Usul perumahan
MS 3




OKTOBER 16-31, 2018
PERCUMA
BULETIN MUTIARA
BERSATU DAN SETIA
www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# ETS di Stesen KTM Nibong Tebal

## rakyat riang perkhidmatan kembali dua kali sehari

**PERKHIDMATAN** Keretapi Elektrik (ETS) dari Butterworth ke Gemas kembali berhenti di Stesen KTM Nibong Tebal pada 7.48 pagi.

ETS dari Gemas ke Butterworth pula akan berhenti di Stesen KTM Nibong Tebal pada 9.39 malam.

Setiap hari, ETS akan berhenti di sini sebanyak dua kali.



LYE Lim.

**LYE LIM**, 51, dalam reaksi spontan kepada akhbar Buletin Mutiara terbitan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang pada 5 Oktober 2018 di sini menzahirkan penghargaan kepada kerajaan hari ini.

"Walaupun di sini tidak ramai pengguna berbanding di Stesen KTM Butterworth, pengguna setia ETS seperti saya sangat berterima kasih," jelasnya kepada pemberita **ZAINULFAQAR YAACOB** yang sedang membuat tinjauan rambang di Stesen KTM Nibong Tebal pada hari berkaitan.

Lye Lim adalah seorang jurutera, mempunyai urusan kerja di Kuala Lumpur.

Beliau sering kali berulang-alik ke Kuala Lumpur dengan mengguna ETS, sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu.

"Dengan keadaan trafik di PLUS (Lebuhraya Utara-Selatan) sesak terutama pada waktu puncak, saya memilih ETS kerana selesa, selamat, masa perjalanan yang tepat serta berpatutan dari segi tambang, RM77 sehala," katanya.

Difahamkan, sejak Julai 2015, pihak pengurusan KTM memutuskan ETS tidak lagi berhenti di Stesen Nibong Tebal.

Namun, isu tersebut diutara oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye ketika lawatan kerja Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook ke Stesen KTM Nibong Tebal baru-baru ini.

Menurut Mooi Lye, ada penduduk setempat sebelum ini terpaksa ke Stesen KTM Butterworth, sekiranya mahu menaiki ETS ke Kuala Lumpur.

Namun kini, Lye Lim yang bermukim di Kampung Stesen menyatakan bahawa beliau sendiri boleh terus menaiki ETS dari Stesen KTM Nibong Tebal, jika mahu ke ibu negara.

**NORMIZAN QISTINA KAMARUZZAMAN**, 27, seorang lagi pengguna ETS, kebetulan ini kali pertama ke Pulau Pinang.



NORMIZAN Qistina Kamaruzzaman.

Ketika ditemu ramah, beliau sedang menunggu temannya di Stesen KTM Nibong Tebal di sini.

"Ini kali pertama saya ke Pulau Pinang.

"Di sini, sangat berbeza dengan dengan tempat tinggal saya di Kuala Lumpur yang mana sangat ramai menggunakan sistem pengangkutan awam moden.

"Di sini (Stesen KTM Nibong Tebal), walaupun tidak kelihatan ramai menggunakan sistem pengangkutan awam moden ini, sangat bagus ada dua kali ETS berhenti di sini tiap-tiap hari.

"Sebagai agensi Persekutuan, KTM memang wajar tidak melihat kepada jumlah trafik yang banyak sahaja, baru memutuskan ETS untuk berhenti di satu-satu stesen.

"ETS berhenti di Stesen (KTM Nibong Tebal) ini, adalah cara Kerajaan meningkatkan mutu serta kualiti hidup rakyat di sini, walaupun mungkin tidak ramai orang menaiki ETS dari stesen ini setiap hari," jelasnya.

Normizan Qistina, pembantu penyelia di kedai binatang peliharaan, *Pet Lovers Centre* dekat Cheras mengakui bahawa beliau riang menaiki ETS dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang dengan kadar tambang sehala RM77 sahaja.

Seorang lagi responden adalah kakitangan KTM sendiri.

**AHMAD SOLIHIN SAMSURI**, 33, memberitahu bahawa pada waktu puncak sama ada sebelah pagi ataupun petang, memang ramai orang awam di Stesen KTM Nibong Tebal.

"Mereka, ada yang tinggal di Nibong Tebal, tapi bekerja di Butterworth atau Komtar.



AHMAD Solihin Samsuri.

"Kalau nak tengok rakyat ramai di stesen ini adalah pada hari Jumaat serta Ahad, kerana waktu itu ramai pelajar sekolah menengah atau kolej memilih menggunakan keretapi KTM," ujarnya, anak jati Bagan Serai, Perak.

**ADIBAH ABDUL LATIF**, 20, pelajar diploma tahun akhir bidang grafik di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Arumugam Pillai dekat Jalan Bukit Panchor menyatakan bahawa rata-rata pelajar akan menggunakan ETS, jika mahu ke Butterworth.

"Tambang murah, berpatutan untuk pelajar, selesa.



ADIBAH Abdul Latif.

"Kalau boleh, ada integrasi dengan sistem pengangkutan awam lain yang lebih mudah, kalau boleh ada jaringan sistem bas Rapid (Penang) yang lebih bagus.

"Macam saya, buat masa ini, dari sini (Stesen KTM Nibong Tebal) akan memilih *Grabcar*, kerana mudah nak ke ILP (Arumugam Pillai)," katanya sambil memuji inisiatif kerajaan meningkatkan mutu sistem pengangkutan awam di negeri ini.

Nada sama turut diakui seorang lagi pelajar Institut Kemahiran Tinggi Perda dekat Taman Bukit Panchor Utama.



MUHAMMAD Afiq Anuar.

Menurut **MUHAMMAD AFIQ ANUAR**, 19, dengan adanya ETS, beliau sendiri mengaku begitu selesa bergerak dengan kos tambang murah dari Bandar Nibong Tebal ke Butterworth.

"Di *Perda Hi-Tech College*, saya ambil jurusan reka bentuk produk.

"Saya menggunakan ETS tiap-tiap minggu, pada hari Jumaat dan Ahad, berulang-alik dari rumah ke tempat saya belajar," ujarnya.

*(Sambungan di muka 6 & 9).*

# Seberang Perai Fiesta hasil gabungan tiga pesta, meriah

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA –** Suasana pada malam perasmian Seberang Perai Fiesta 2018 di Tapak Ekspo Seberang Jaya baru-baru ini sangat meriah berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Kemeriahan tersebut adalah disebabkan gabungan tiga pesta iaitu *Agrofest Penang*, *Penang Food Festival* dan Festival Seni Nusantara Art Wave.

Bahkan, kerana partisipasi agensi-agensi Persekutuan berwajib dalam pameran di bawah lebih 80 khemah di sini, mungkin mengambil kira kejayaan Pakatan Harapan mengambil alih Kerajaan Persekutuan dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada 9 Mei lalu.

Pengunjung berpusu-pusu walaupun dalam keadaan hujan renyai, ada yang menikmati pelbagai makanan enak di 15 trak makanan *(food truck)*.

Juga, tidak kurang sebahagian yang duduk santai melayan persembahan kumpulan buskers, ditemani keluarga.

Serentak itu, dekat Dewan Serbaguna di sini, berlangsungnya Majlis Perasmian Seberang Perai Fiesta 2018, dengan acara perasmian disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Ketika berucap, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berharap penganjuran tahun ketiga festival berkenaan dapat merancakkan lagi aktiviti ekonomi desa terutama membabitkan bidang pertanian, perikanan, penternakan, peladangan dan produk keusahawanan tempatan.

"Seberang Perai Fiesta ini adalah gabungan tiga pesta iaitu *Agrofest Penang*, *Penang Food Festival* dan Festival Seni Nusantara Art Wave.

"Pesta selama lima hari ini bukan sahaja untuk mempromosi bidang pertanian, penternakan, perikanan, bahkan sekaligus memberi pulangan daripada aspek sosial serta ekonomi kepada para pengusaha yang berkepentingan, juga Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

"Dalam matlamat kita menjadikan *Penang2030* sebagai negeri yang fokus kepada kekeluargaan, pastinya Seberang Perai Fiesta ini adalah salah satu acara yang dapat memenuhi aspirasi itu," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada penganjuran yang berlangsung pada 29 September 2018 di sini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud turut berucap pada majlis itu.

Menurut Afif, penganjuran pesta tahunan kali ini mencatatkan sejarah tersendiri, kerana diadakan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) yang menyaksikan Pakatan Harapan menguasai Kerajaan Persekutuan selain kekal menubuhkan Kerajaan Negeri hari ini.

"Inilah Seberang Perai Fiesta selepas 9 Mei (PRU14) dengan penyertaan luar biasa, kerana melibatkan lebih banyak agensi Persekutuan.

"Harapan saya, dengan adanya Seberang Perai Fiesta 2018, akan juga membuka ruang untuk kita memikirkan bagaimana kita dapat mengoptimumkan penggunaan Tapak Ekspo Seberang Jaya," ujarnya.

Dalam pada itu, Rozali turut merakamkan harapan agar Seberang Perai Fiesta dapat menjadi salah satu produk pelancongan makanan bagi Seberang Perai.

"MPSP senantiasa menyokong erat usaha Kerajaan Negeri, terutama dalam mencapai *Penang2030* iaitu gagasan yang memberi tumpuan kepada aspek kekeluargaan, negeri hijau dan bandar pintar.

"Pelaksanaan pesta ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mempromosi Seberang Perai sebagai salah satu produk pelancongan yang mampu menarik minat pengunjung tempatan, juga pelancong antarabangsa," kata beliau.



**DR. Abdul Rahman Abbas (barisan depan, dua dari kiri) sambil diiringi barisan kepimpinan Kerajaan Negeri beramah-mesra dengan salah seorang jemputan pada penganjuran Seberang Perai Fiesta 2018 di sini baru-baru ini.**



**DUA pengunjung tidak melepaskan peluang berswafoto pada sudut yang menarik perhatian mereka.**




**PERTANDINGAN haiwan peliharaan mendapat sambutan menggalakkan.**



**SEBAHAGIAN peniaga yang mengambil bahagian.**

# Usul perumahan Pulau Pinang ke Putrajaya disambut baik Menteri KPKT

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo yang membawa beberapa usul berkaitan isu perumahan dalam pertemuan bersama-sama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zuraida Kamaruddin disambut baik.

Pertemuan yang diadakan di Putrajaya pada 4 Oktober lalu merupakan pertemuan julung kali membabitkan semua Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan seluruh Malaysia.

Menurut Jagdeep, salah satu isu yang disambut baik oleh Menteri berwajib adalah berhubung Projek Perumahan Rakyat (PPR).

"Sebagai makluman semua, Pulau Pinang merupakan negeri terendah yang memiliki unit-unit PPR iaitu 999 unit sahaja, dan dalam pertemuan berkaitan, Zuraida menyatakan komitmen KPKT untuk menambah bilangan unit.

"Malah, beliau (Zuraida) meminta supaya setiap negeri mengemukakan senarai tanah-tanah yang berpotensi untuk dibangunkan unit-unit PPR.

"(Dan) bagi Pulau Pinang, saya akan menulis surat kepada beliau (Zuraida) hari ini (5 Oktober 2018) untuk memberikan



**JAGDEEP Singh Deo.**

senarai cadangan tanah di kelima-lima daerah untuk dibangunkan PPR," ujarnya pada sidang media di sini 5 Oktober lalu.

Selain daripada dua plot tanah di Kota Giam dekat Sungai Pinang yang sudahpun diluluskan pemajuannya, kata Jagdeep, terdapat plot-plot lain yang dikenal pasti berpotensi untuk dimajukan.

"Antaranya, di daerah Barat Daya di Lot 8471, Mukim 12 seluas 7.82 ekar, di daerah Timur Laut (Lot 75, Mukim 6; PT36; PT37) (4.83 ekar); di daerah Seberang Perai Utara (PT724) (13 ekar); di daerah Seberang Perai Tengah (Lot 1061 - 1065; Lot 1072 - 1078; Lot 1084 - 1088) (25 ekar) dan di Seberang Perai Selatan (Lot 20843; Lot 20842) (3.43 ekar)," jelasnya.

Dalam pada itu, menyentuh usul dana penyelenggaraan Persekutuan di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) pula, Jagdeep memaklumkan bahawa ia akan diteruskan.

"Saya ada memaklumkan kepada beliau (Zuraida) bahawa di Pulau Pinang sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), terdapat 126 permohonan (kerja-kerja penyelenggaraan) berjumlah RM66.4 juta yang masih belum menerima apa-apa kelulusan.

"(Dan) beliau mengambil maklum akan semua permohonan di bawah tabung berkenaan, dan pastinya kita (Kerajaan Negeri) amat berharap untuk mendengar berita baik berhubung perkara ini nanti," katanya.

Pada masa sama, Jagdeep turut memberitahu bahawa semua Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang hadir turut menyuarakan kepayahan untuk menjual unit-unit rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah mampu milik ekoran kadar penolakan pinjaman perumahan yang begitu tinggi.

"Isu kadar penolakan pinjaman perumahan yang tinggi sudah lama disuarakan oleh Pulau Pinang, dan saya berharap akan ada berita baik daripada Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berhubung perkara ini kelak.

"Saya percaya Kerajaan Persekutuan sedang mencari jalan penyelesaian terbaik berhubung isu ini," ujarnya yang memuji tindakan proaktif dan reaksi positif Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berhubung usul-usul yang dibangkitkan pada pertemuan berkaitan.

Dalam sidang media sama, Jagdeep turut memaklumkan bahawa beliau akan membuat permohonan bagi menaik taraf status Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"Saya akan meneruskan prosedur berikutnya untuk membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk menaik taraf status MPSP kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai.

"Malah, Menteri secara khusus juga memaklumkan bahawa tiada sebarang halangan untuk satu negeri mempunyai lebih daripada satu Majlis Bandaraya," jelasnya sambil menzahirkan penghargaan terhadap komitmen yang diberikan oleh Menteri berkaitan.

Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong turut sama dalam sidang media berkenaan.

## KM respons isu pinjaman mudah RM1 bilion

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**




**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berkaitan pada penganjuran forum awam berhubung PTMP di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Cadangan asal Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) antaranya adalah membina transit aliran ringan (LRT) dari George Town ke Bayan Lepas, disusuli dengan pintasan Lebuh Raya Penang Island Link (PIL1) yang akan memakan masa kira-kira tujuh tahun.

Namun, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa timbul syor baru pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada 9 Mei lalu iaitu untuk melaksanakan kedua-dua projek itu secepat mungkin secara serentak, dengan permohonan pinjaman mudah RM1 bilion daripada Kerajaan Persekutuan.

Penjelasan beliau dalam forum awam di sini pada 30 September lalu sekaligus menjawab pertikaian Dr. Lim Mah Hui iaitu pembentang gabungan badan bukan kerajaan (NGO), *Penang Forum* serta aktivis belia, Andrew Ng.

"Idea (mohon pinjaman mudah RM1 bilion) ini muncul selepas berlakunya perubahan pemimpin di peringkat Kerajaan Persekutuan, pada pilihan raya lalu.

"Maka, kedua-dua projek bolehlah dimulakan secara serentak.

"Sekiranya ikut rancangan asal, dimulakan dengan projek LRT, akan mengambil masa enam hingga tujuh tahun kerana perlu dilaksanakan juga kerja-kerja tebus guna (tanah laut), kerana tanpa jual tanah, kita tidak boleh memajukan projek ini.

"Ikut cadangan asal, PIL1 tidak boleh dilaksanakan sehinggalah siap LRT, yang mungkin akan makan masa enam, tujuh atau lapan tahun kemudian," jelas Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada forum awam berhubung PTMP di sini.

Sebelum itu, Mah Hui mempertikai hasrat Kerajaan Negeri mahu mendapatkan RM1 bilion pinjaman mudah daripada Kerajaan Persekutuan.

Mah Hui menyatakan bahawa Kerajaan Negeri langsung tidak mengeluarkan belanja, sebaliknya SRS Consortium selaku rakan pelaksana projek (PDP) akan memastikan projek-projek pemajuan dilaksanakan melalui kerja-kerja tebus guna tanah laut di bahagian selatan pulau.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow turut melahirkan rasa hairan dengan pembentangan *Penang Forum* yang secara tiba-tiba mencadangkan *Autonomous Rail Rapid Transit* (ART) dalam penganjuran berkaitan setelah sekian lama menentang PIL1 yang atas dakyah akan 'menggalakkan lebih banyak kenderaan peribadi bertambah ke bahagian pulau'.

Dalam nada berseloroh, beliau berkata, pihaknya turut mendapat penjelasan rasmi daripada kontraktor profesional, *China Railway Construction Corporation* (CRCC) iaitu agensi Republik Rakyat China, mengenai cadangan pemajuan ART.

Tambah Kon Yeow, cadangan serta klip *YouTube* mengenai ART yang digunakan oleh *Penang Forum* untuk menentang projek PTMP, adalah bahan sama digunakan oleh CRCC waktu pembentangan di Pejabat Ketua Menteri baru-baru ini.

Bagaimanapun, beliau merakamkan penghargaan kepada lebih 300 pihak berkepentingan termasuk *Penang Forum*, kerana terus memberi pendapat serta kritikan kepada cadangan Kerajaan Negeri melaksanakan LRT dan PIL1.

Sebelum itu, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan Pulau Pinang, Nur 'Aishah Md. Norodin mewakili Kerajaan Negeri membentangkan gambaran sebenar PTMP.

Mah Hui dan Andrew Ng masing-masing turut membentangkan pendirian *Penang Forum* menentang beberapa perkara dalam PTMP, terutama membina PIL1.

# Idea mural 3D penutup botol minuman diperkembangkan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA –** Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas berkenan menyempurnakan Majlis Perasmian Kanvas Mural Tiga Dimensi (3D) Menggunakan 113,190 Penutup Botol Minuman Terpakai di sini baru-baru ini.

Projek membuat mural berkenaan adalah anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang diketuai Pensyarah Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif UPSI, Profesor Dr. Mohd. Fauzi Sedon.

Sebanyak empat mural 3D berukuran 20' x 8' dihasil berdasarkan gambar-gambar pemandangan terpilih di Seberang Perai iaitu, Hutan Lipur Bukit Panchor, Hutan Pelajaran Air Itam Dalam dan Permatang Rambai (2).

Seramai 595 sukarelawan yang terdiri daripada kakitangan UPSI, pegawai dan kakitangan MPSP, 'Wira Oren', wakil persatuan dalaman MPSP, agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta, kilang, pihak sekolah, wakil komuniti serta orang awam mengambil bahagian dalam usaha menyiapkan mural-mural berkenaan.

Keempat-empat mural tersebut diletakkan di dinding Menara MPSP yang boleh dilihat oleh para pengunjung.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud dalam ucapannya berkata, pihaknya dan UPSI juga bersetuju untuk mengembangkan idea kreatif kombinasi *Smart Consumption Model 8R* dan pengurusan sisa di punca dalam penyediaan mural 3D ke sekolah-sekolah, komuniti atau sektor swasta mulai tahun depan.



**DR. Abdul Rahman Abbas (kanan sekali) diiringi Chong Eng (dua dari kiri) dan Sr. Rozali Mohamud (dua dari kanan) bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Mural 3D Penutup Botol Minuman Terpakai di sini baru-baru ini.**

"Kerjasama warga Seberang Perai untuk turut bersama-sama dalam menyiapkan mural 3D daripada penutup botol adalah sejajar dengan sasaran MPSP untuk menjadi bandar raya rendah karbon serta bandar raya pintar menjelang 2022.

"Oleh itu, bagi sekolah-sekolah, komuniti atau sektor swasta yang berminat boleh menghubungi MPSP atau unit eko-komuniti dengan mengemukakan cadangan mural 3D masing-masing," jelasnya pada majlis berkaitan 1 Oktober lalu.

Turut hadir, Exco Pembangunan Wanita Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Goh Choon Aik; Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran; Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod dan lain-lain.

Dalam perkembangan lain, Rozali menyatakan bahawa MPSP juga kini dalam perancangan untuk mengadakan kerjasama pintar dengan Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Jabatan Pertanian Pulau Pinang bagi mewujudkan Seberang Perai sebagai hab pengeluaran padi organik.

"Langkah ini adalah memandangkan MPSP mempunyai keupayaan untuk mengumpul baja-baja kompos yang diproses daripada sisa-sisa makanan dan sisa kebun.

"Manakala, institusi pengajian tinggi dan agensi berkaitan mempunyai teknologi penggunaan baja kompos bagi menggantikan baja kimia terutamanya dalam sektor penanaman padi," katanya.

## Pulau Pinang negeri pertama lancar Kempen Buang Sisa Tajam

**SEBERANG JAYA -** Pulau Pinang dipilih sebagai negeri pertama melaksanakan Kempen Pembuangan Sisa Tajam yang digunakan melibatkan sektor perubatan.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata demikian ketika melancarkan kempen itu dekat Klinik Kesihatan Seberang Jaya di sini pada 3 Oktober 2018.

Beliau dalam pada itu turut melahirkan penghargaan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Persatuan Komuniti Farmasi Malaysia (MCPG) kerana memilih Pulau Pinang sebagai negeri pertama bagi pelancaran kempen tersebut.

"Kempen Pembuangan Sisa Tajam ini merupakan kempen pertama yang diadakan dalam negara.

"Dan, kami (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan) amat berbangga kerana MCPG telah memilih Pulau Pinang sebagai negeri pertama untuk melancarkan kempen ini," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada majlis berkaitan.

Melalui kempen berkaitan, Afif berharap tahap kesedaran semua lapisan pengguna termasuk di rumah tahu mengenai peri penting membuang sisa tajam dengan cara yang betul, iaitu dengan membuang di tempat khas yang disediakan pihak pengurusan klinik atau hospital kerajaan.



**DR. Afif Bahardin (tiga dari kanan), barisan jemputan dan wakil penganjur menyempurnakan gimik pelancaran Kempen Pembuangan Sisa Tajam di sini baru-baru ini.**

"Kempen ini adalah untuk memberikan kesedaran kepada pesakit khususnya pesakit diabetes yang menggunakan jarum insulin supaya tidak membuang sisa jarum melalui pembuangan domestik.

"Tindakan itu boleh menyebabkan komuniti terdedah kepada kecederaan akibat tercucuk jarum yang tajam ini, jika dibuang di merata tempat termasuk tong sampah yang merupakan sisa akhir di rumah," jelasnya.

## LRT mampu ubah tabiat pengguna jalan raya Pulau Pinang, KM respons mahasiswa

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang berharap rancangan pemajuan bersepadu Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) terutama projek transit aliran ringan (LRT) George Town ke Bayan Lepas akan mengubah tabiat pengguna jalan raya daripada menggunakan kenderaan peribadi kepada perkhidmatan pengangkutan awam, kelak.

Atas maksud itu, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pentadbirannya komited untuk memenuhi segala syarat pemajuan digariskan jabatan-jabatan teknikal di peringkat Persekutuan serta kekangan kewangan berwajib, demi meningkatkan mutu hidup rakyat di Pulau Pinang.

"Salah satu cabaran utama di Pulau Pinang sehingga tahun 2030 ini adalah masalah trafik sesak.

"Dan, saya percaya mahasiswa bergerak pun, lebih memilih menggunakan kenderaan peribadi berbanding perkhidmatan pengangkutan Pengangkutan Pulau Pinang awam, adalah disebabkan sistem trafik yang agak sesak ketika ini," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong pada 15 September 2018.

Kon Yeow menyatakan demikian dalam penganjuran Forum PTMP Bersama-sama Mahasiswa di sini.

Pengarah Jabatan Undang-Undang Kolej ATC Pulau Pinang, Sanjay Kanshanlal dan Ketua Pegawai Eksekutif Freemind Works, Kaygarn Tan adalah dua panelis lain dalam forum kendalian mahasiswa, Chin How Zet.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memberitahu, beliau berharap rancangan pemajuan pintasan lebuh raya *Penang Island Link 1* (PIL1) dan jajaran transit aliran ringan (LRT) George Town ke Bayan Lepas akan mengubah tabiat pengguna jalan raya untuk memilih pengangkutan awam dalam kira-kira tempoh sedekad ini.

Selain itu, beliau turut membentangkan *Penang2030*, iaitu wawasan pembangunan menyeluruh Pulau Pinang dalam tempoh 12 tahun sehingga 2030.

Dalam pada itu, Kaygarn Tan pula memberitahu, dengan mewujudkan semula trem di tengah-tengah bandar raya George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO, ia akan melonjak lagi tarikan serta nilai tambah kepada sektor hartanah di negeri ini.

"Saya agak melalui TMP ini, nampaknya Kerajaan Negeri tidak menumpu kepada aspek sektor pembuatan semata-mata, malah juga dalam sektor perkhidmatan terutama industri pelancongan serta sektor pelancongan perubatan.

"Semestinya, daripada aspek hartanah, projek-projek pemajuan jangka panjang ini menarik lebih ramai untuk berkunjung dan melabur di Pulau Pinang, terutamanya di sepanjang (jajaran kawasan pemajuan) yang terlibat dalam projek TMP dan LRT ini," jelas beliau yang terlibat dalam kajian lapangan sektor hartanah korporat.

Sanjay Kanshanlal pula menjelaskan di negara-negara maju terutama di rantau Eropah sendiri menyaksikan kerajaan sanggup berbelanja lebih untuk menggalakkan rakyat menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam, sekaligus mengurangkan keadaan trafik sesak di bandar-bandar utama.

"Contohnya *'London Tube'*…inilah cara sesebuah Kerajaan mengambil bahagian dalam melaksanakan dasar perindustrian di bandar, bukan sahaja untuk menangani masalah kesesakan trafik, malah untuk mengubah cara berfikir rakyat (supaya lebih memilih menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam)," ujarnya.

# Perjanjian tambahan kedua dengan RCSB bakal beri lebih hektar tanah kepada Kerajaan Negeri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang memeterai perjanjian tambahan kedua dengan Rayston Consortium (Butterworth) Sendirian Berhad (RCSB), iaitu pihak yang diberikan hak untuk menebus guna tanah laut dalam projek Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) pada tahun 1999.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa kedua-dua pihak saling bersetuju untuk meminda beberapa perkara serta klausa dalam perjanjian terbaru berkaitan.

Hasilnya, menurut beliau, Kerajaan Negeri akan diberi tanah tebus guna lebih luas berbanding perjanjian asal yang dimeterai pada tahun 1999.

"Melalui perjanjian ditandatangani pada 16 Jun 1999, RCSB diberi hak menebus guna 650 hektar tanah (iatu) 243 hektar adalah dikhaskan untuk kegunaan Pelabuhan Pulau Pinang, 2.5 hektar diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk perumahan kos rendah serta sederhana rendah, dan 7.5 hektar sebagai balasan kepada penyerahan dua bidang tanah Kerajaan Negeri di Jalan Pantai Bersih serta Jalan Bagan Jermal pada 27 November 2001 untuk penempatan semula penduduk.

"Tambahan lagi, RCSB perlu menyerahkan lima peratus daripada tanah *Net Saleable Area* yang bersamaan dengan keluasan 12.9 hektar kepada Kerajaan Negeri.

"Setelah Pakatan Harapan mengambil alih Kerajaan Negeri pada tahun 2008 dan berunding dengan pihak RCSB, maka kedua-dua pihak telah bersetuju supaya RCSB menyerahkan 35 peratus tanah daripada *Net Saleable Area* iaitu bersamaan dengan keluasan 90.31 hektar kepada Kerajaan Negeri.


KETUA Menteri menyaksikan majlis pertukaran dokumen perjanjian antara Kerajaan Negeri dan RCSB di sini baru-baru ini.

"Ini bermaksud dengan perjanjian kedua ini, Kerajaan Negeri akan mendapat lebih 77.41 hektar tanah berbanding dengan perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1999," jelas Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi dalam sidang media di sini 28 September 2018.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa Kerajaan Negeri akan menentukan kawasan tanah yang akan diserahkan oleh RCSB, dalam tempoh enam tahun selepas tarikh mula kerja.

"Klausa rancangan tebus guna tanah dipinda bagi memastikan pihak RCSB mengemukakan permohonan Pelan Induk, Kebenaran Merancang, Kajian Impak Persekitaran (EIA) dan lain-lain dokumen yang diperlukan dalam masa yang ditetapkan, bagi membolehkan kerja-kerja penambakan dimula serta disiapkan dalam tempoh masa yang dipersetujui.

"Satu klausa baharu diwujudkan dalam perjanjian ini bagi membolehkan RCSB memindakan hak tebus guna tanah kepada pihak ketiga bagi kawasan pelabuhan dengan syarat RCSB masih memegang tanggungjawab sepertimana dalam perjanjian asal," ujarnya.

Terdahulu, kira-kira hampir 20 tahun lalu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan RCSB memeterai Perjanjian Tebus Guna Tanah dan Penempatan Semula (LRRA).

Perjanjian itu diwujudkan berikutan perjanjian konsesi antara Kerajaan Persekutuan dan Lingkaran Luar Butterworth (Penang) Sdn. Bhd. (LLB) untuk pembinaan, pengoperasian, pengurusan dan penyelenggaraan BORR.

Ketika itu, Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri mensyaratkan LLB sebagai *Special Purpose Vehicle* dan tidak boleh melaksanakan fungsi-fungsi selain daripada merancang, membina dan menyelenggara BORR sahaja.

Oleh yang dimikian, Kerajaan Negeri memeterai satu perjanjian berasingan dengan RCSB untuk kerja-kerja tebus guna laut serta penempatan semula.

Melalui perjanjian tersebut, RCSB akan melaksanakan penempatan semula penduduk yang terlibat dalam projek BORR.

Sebagai balasan, RCSB bukan sahaja dibenarkan melaksanakan kerja-kerja penambakan laut, malah, dibenarkan membangunkan tanah tebus guna itu.

Pada 6 Mac 2003, Kerajaan Negeri dan RCSB memeterai perjanjian tambahan pertama, dengan memasukkan perkara jaminan bank yang perlu dikemukakan oleh RCSB kepada Kerajaan Negeri.

Kini, Kerajaan Negeri dan RCSB memeterai perjanjian tambahan kedua, dengan meminda beberapa perkara dan klausa, yang memberi kelebihan kepada Kerajaan Negeri mendapat lebih 77.41 hektar tanah berbanding perjanjian asal yang ditandatangani pada 16 Jun 1999.

# Penduduk terima manfaat naik taraf gerai makanan pasar awam

Gambar : **MPSP**

**PERMATANG PASIR –** Kerja-kerja menaik taraf gerai makanan di Pasar Awam Sri Penanti, dekat sini yang dilaksanakan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) siap sepenuhnya dan mula dibuka kepada orang ramai.


JAGDEEP Singh Deo (barisan pertama, tiga dari kanan) bersama-sama Muhammad Faiz Fadzil (lima dari kiri) dan Sr. Rozali Mohamud (berkopiah) pada Majlis Perasmian Pasar Awam Sri Penanti di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, projek menaik taraf tersebut mula dilaksanakan pada 15 November tahun lepas dan siap sepenuhnya pada 13 Julai lalu.

"Projek ini melibatkan keseluruhan kos perbelanjaan sebanyak RM385,500 bagi menyediakan 13 unit gerai makanan.


RUPA bentuk Pasar Awam Sri Penanti.

"Pada peringkat awal, projek ini juga mengambil kira pandangan dan input daripada para peniaga sebelum dibangunkan bagi memastikan kerja menaik taraf mampu memanfaatkan peniaga khususnya dan orang awam di Permatang Pasir serta kawasan sekitar secara amnya," ujarnya pada majlis perasmian pasar berkaitan di sini 30 September lalu.

Majlis perasmian berkaitan disempurnakan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Muhammad Faiz Fadzil; Ahli-ahli Majlis bagi MPSP dan komuniti setempat.

Difahamkan, fasiliti utama yang ditambah baik adalah melibatkan pengubahsuaian gerai makanan kepada gerai tertutup berukuran 10' x 12' dengan kemasan jubin seragam selain dilengkapi dengan kipas angin individu bagi setiap unit gerai dan ruang makan serta kemudahan perangkap nyamuk.

Selain itu, petak parkir orang kurang upaya (OKU) dan laluan untuk OKU juga turut dibina.

Dalam pada itu, Jagdeep menyatakan, Kerajaan Negeri ingin memastikan kemudahan awam seperti kompleks makanan dan pasar awam di negeri ini mencapai taraf 'A' atau 'B'.

"Semua peniaga pasar awam dan kompleks makanan harus memastikan bahawa mereka mendapat sijil 'A' atau 'B' dalam aspek kebersihan.

"Tindakan pembatalan lesen perniagaan akan dikenakan terhadap peniaga-peniaga yang gagal mematuhi arahan ini," tegasnya.

# UNESCO pilih George Town laksana 2 projek perintis warisan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) memilih George Town untuk pelaksanaan dua projek perintis warisan.

Ketua Unit Kebudayaan UNESCO Jakarta, Moe Chiba berkata, Pulau Pinang (George Town) merupakan satu-satunya bandar di Asia yang dipilih untuk pelaksanaan pelan tindakan bagi mewujudkan inventori kelompok warisan budaya dengan membabitkan komuniti setempat.

"Pendekatan bagi melaksanakan projek perintis pertama adalah melibatkan komuniti setempat dan ia merupakan inisiatif komuniti di Tapak Warisan Dunia UNESCO ini bagi mendapatkan pendapat mereka.

"Hasil daripada projek ini adalah sangat penting kerana komuniti setempat merupakan orang berkepentingan yang menetap di kawasan ini, dan mereka bakal menceritakan apa jua yang mereka rasakan penting untuk diwarisi.

"(Dan) George Town bersama-sama dua lagi bandar, iaitu satu di Afrika dan satu di Amerika Latin dipilih untuk pelaksanaan projek perintis ini," katanya pada sidang media sejurus perasmian Persidangan Antarabangsa Pengurusan Warisan Budaya Bandar (MUCH) di sini baru-baru ini.

Menurut Moe, projek perintis kedua bakal membabitkan pelan tindakan dalam membangunkan industri warisan tempatan.

"Kita akan memanggil mereka yang berkepentingan seperti pengusaha muzium, pusat kreatif setempat, artisan tempatan dan (yang) berkecimpung dalam warisan serta budaya untuk berganding bahu mewujudkan pelan tindakan ini.

"(Dan) inisiatif ini dijangka akan dimulakan tahun hadapan," katanya yang yakin dengan potensi George Town untuk menyempurnakan kedua-dua projek berkaitan.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika berucap pada perasmian persidangan berkata, dalam usaha memulihara warisan tinggalan sejarah, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memperuntukkan sejumlah RM3 juta yang merupakan dana permulaan untuk *Heritage Habitat Seed Fund*.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan luncurkan dana permulaan ini pada bulan November nanti dan berharap melalui dana ini, kualiti hidup masyarakat yang tinggal di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dapat ditingkatkan.

"Dana ini juga akan membantu pemulihan dan pemuliharaan premis warisan dengan menggunakan teknologi pintar, di samping mengurangkan bebanan kos pemulihan premis-premis warisan di Tapak Warisan Dunia UNESCO.

"Ini sekaligus dilihat mampu menghalang peningkatan dalam caj sewaan yang akan membantu penghuni di Tapak Warisan Dunia UNESCO mengekalkan penyewaan untuk jangka panjang.

"(Dan) saya difahamkan GTWHI *(George Town World Heritage Incorporated)* ada butiran lanjut berhubung perkara ini sebelum ia diluncurkan pada bulan hadapan," ujarnya yang memuji usaha badan berwajib berkenaan dalam usaha pengurusan warisan bandar di sini.

Pada masa sama, Kon Yeow juga berharap usaha pemuliharaan melalui pelaksanaan dua projek perintis berkaitan dapat digerakkan sejajar dengan visi Pulau Pinang 2030 *(Penang2030)* yang diluncurkan pada Ogos lalu dengan memfokuskan ke arah negeri hijau dan pintar.

"Bersama-sama visi ini, kita (Kerajaan Negeri) akan terus memulihara dan memelihara warisan budaya rakyat Pulau Pinang sama ada tinggalan warisan nyata atau tidak, boleh diubah mahupun tidak.

"Malah, usaha ini telahpun dipelopori sejak Pakatan Harapan (dikenali sebagai Pakatan Rakyat) mengambil alih pentadbiran negeri pada 2008 bagi merancakkan lagi sosio-ekonomi melalui pelbagai usahasama dan projek," jelasnya.

Persidangan selama empat hari itu diadakan sempena sambutan Ulang Tahun Ke-10 George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Seramai 37 penceramah dan moderator dari 15 negara berkongsi usaha pengurusan warisan bandar, strategi dan pendekatan yang inovatif dalam mamastikan pengurusan warisan budaya bandar dapat direalisasikan.



**MOE Chiba.**

Turut berucap pada perasmian tersebut, Pengurus Besar GTWHI, Dr. Ang Ming Chee.

Manakala, Dr. Rohit Jigyasu iaitu Profesor dari Institut Pengurangan Risiko Bencana bagi Bandar Warisan Budaya UNESCO, Universiti Ritsumeikan, Jepun dan Datuk Dr. Zainah Ibrahim, Pesuruhjaya Warisan Jabatan Warisan Negara adalah penceramah utama persidangan ini.

# Tingkatkan mutu pendidikan menerusi pembelajaran tanpa sempadan

Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SEBERANG JAYA –** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang komited untuk saling bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dalam memastikan kemajuan teknologi pendidikan abad ke-21 melimpah ke sekolah-sekolah rendah dan menengah di negeri ini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu, pihaknya berharap platform pengajian dan pembelajaran tanpa sempadan dalam era digital kini dapat terus dipacu, melalui *Frog Virtual Learning Environment* (VLE).

"Saya berharap semua sekolah, pelajar dan guru-guru di negeri Pulau Pinang ini dapat memanfaatkan teknologi dalam pendidikan melalui platform *Frog VLE* untuk mencapai kemajuan sebanyak yang boleh.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kami juga akan menumpukan usaha untuk menyokong Jabatan Pendidikan Negeri dalam inisiatif mereka bagi memastikan semua sekolah di Malaysia terutamanya di Pulau Pinang menikmati manfaat daripada kemajuan abad ke-21 ini.

"Saya yakin pelajar, guru-guru dan ibu bapa di negeri kita ini amat komited dalam memastikan bahan teknologi pendidikan abad ke-21 dapat dimanfaatkan di semua peringkat umur," katanya dalam Majlis Perasmian Penutup Persidangan KLEAPS Peringkat Negeri di sini 22 September 2018.

Menurut Kon Yeow, Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 gigih menggalakkan anak-anak negeri menguasai STEM atau mata pelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik, termasuk menubuhkan *Penang Science Cluster* (PSC), *Tech Dome Penang* (TDP), *Penang Math Platform* dan *Penang Digital Library* (PDL), antara lain demi menyemarakkan perkembangan dunia pendidikan di peringkat sekolah dengan elemen ekonomi digital.



**KETUA Menteri bergambar bersama-sama wakil-wakil berkaitan dan sebahagian pelajar yang hadir pada Majlis Perasmian Penutup Persidangan KLEAPS Peringkat Negeri di sini baru-baru ini.**

Dalam perkembangan lain, tambah beliau, baru-baru ini Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri turut bersetuju untuk mewujudkan satu lagi portfolio baru iaitu Transformasi Digital demi memastikan Pulau Pinang bersedia menghadapi cabaran teknologi yang berkembang pesat pada era Revolusi Perindustrian 4.0 kini.

*(Dari muka 1).*

## Cadang wujud lot komersial bagi dinikmati pengunjung

Beliau turut mengakui yang tidak tahu-menahu bahawa ETS kembali berhenti dua kali dalam sehari, di Stesen KTM Nibong Tebal mulai 25 September.

"Kalau ETS kembali berhenti ke sini, baguslah, kerana kita tidak lagi perlu ke Stesen KTM Butterworth untuk mengambil ETS ke Kuala Lumpur," jelasnya sambil memuji inisiatif Mooi Lye kerana mencadangkan Menteri memutuskan ETS kembali berhenti di Stesen KTM Nibong Tebal walaupun lambakan pengguna di sini adalah agak rendah.

Seorang lagi responden, **MOHD. JAMIL MUSTAFA**, 32, memberitahu bahawa tiap-tiap hari, beliau pergi dan balik ke tempat kerja iaitu Pasar Raya C-Mart di Bandar Nibong Tebal.

"Setiap pagi, saya menggunakan pengangkutan awam ini untuk ke tempat kerja, dari Parit Buntar ke Nibong Tebal.

"Pulang pun dengan pengangkutan awam moden ini juga, kadar tambang sehala semurah RM1 sahaja," katanya.

Beliau mencadangkan supaya pihak pengurusan KTM mewujudkan lot komersial untuk menjual makanan minuman di sini bagi dinikmati oleh pengunjung.

Tambah beliau, kemudahan laluan ke stesen bas yang tidak jauh dari Stesen KTM Nibong Tebal di sini juga harus diperbaiki.

"Bagus lah kalau Menteri dan ADUN (Jawi) berjaya mengembalikan ETS berhenti di Stesen KTM Nibong Tebal, bertambah mudah rakyat untuk menggunakannya terutama untuk ke Ipoh ataupun Kuala Lumpur," ujarnya.



**MOHD. Jamil Mustafa.**

*(Rujuk juga muka 9).*

# Liga Karom diharap pupuk keyakinan belia, anjur acara lebih berprestij



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian.



AKSI Ketua Menteri ketika beramah-mesra dengan beberapa peserta cilik bersempena penganjuran Liga Karom 2018 di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**PADANG KOTA –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap Persatuan Belia Jalan Kedah (PBJK) pada masa depan dapat menganjurkan liga karom yang lebih berprestij berbanding kini.

Baginya, kejayaan menganjurkan liga berkaitan baru-baru ini adalah wajar bagi memupuk keyakinan terhadap persatuan belia tempatan untuk mengadakan lebih banyak lagi acara komuniti.

"Sekiranya acara yang kecil begini boleh dianjurkan dengan berjaya, maka ini akan memberikan keyakinan kepada belia untuk menyahut cabaran menganjurkan acara yang lebih besar pada masa akan datang.

"Mungkin belia di sini dapat menggembleng tenaga pada masa depan untuk menganjurkan pertandingan liga karom yang lebih besar di peringkat kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Kota pula," ujar Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Perasmian Penutup Liga Karom 2018 di Flat Jalan Kedah di sini pada 23 September 2018.

Difahamkan, Pertandingan Liga Karom 2018 julung kali dianjurkan oleh PBJK.

Hadir sama, Pengerusi PBJK, Daud Mustaqim dan Pengerusi Persatuan Penduduk Jalan Kedah, Abdul Wahab Shaikh Mydin.

## Flat Sri Tanjung bakal berubah wajah

**DATUK KERAMAT –** Flat Sri Tanjung setinggi lapan tingkat di Jalan Perak akan dicat semula bagi menceriakan kawasan kediaman bertingkat itu.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, kerja-kerja pengecatan semula bangunan kediaman kos sederhana rendah itu akan dilakukan dalam tempoh terdekat ini.

"Kontraktor berwajib telah dilantik dan kerja-kerja pengecatan semula akan dilakukan dalam tempoh terdekat setelah para penduduk mencapai kata sepakat untuk memilih salah satu daripada lima cadangan skim warna yang ada.

"Jumlah kos keseluruhan pengecatan semula ini adalah sebanyak RM119,800, yang mana Kerajaan Negeri melalui Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) akan menanggung 20 peratus daripada kos keseluruhan.

"Manakala, sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan ini, saya memperuntukkan perbelanjaan 40 peratus daripada kos terbabit, dan baki 40 peratus lagi ditanggung oleh penduduk melalui perbadanan pengurusan di sini," katanya ketika mengumumkan perkara tersebut di sini 30 September lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer; Pengerusi Perbadanan Pengurusan Flat Sri Tanjung, Lim Seng Kah; wakil-wakil dari Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri, kontraktor berwajib dan penduduk setempat.

Menurut Jagdeep, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa prihatin dalam membantu skim-skim perumahan yang layak dalam melakukan penyelenggaraan.

"Sejak tahun 2013 sehingga September 2018, sebanyak 176 permohonan di bawah TPM80PP diluluskan dengan kos RM25.6 juta melibatkan sebanyak 292 projek pelbagai jenis.

"Jumlah projek ini termasuk 45 projek yang asalnya memohon dana melalui Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) dengan jumlah sebanyak RM3.8 juta membabitkan kerja-kerja penukaran bumbung, lif dan tangki air yang merupakan kerja-kerja kritikal.

"Sebab itu, sejak Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran di peringkat Persekutuan, saya syorkan agar Kerajaan Persekutuan dapat mempertimbangkan kelulusan baki permohonan tertunggak di bawah TP1M bagi negeri Pulau Pinang.

"Perkara ini, akan disuarakan kepada Menteri berwajib dalam siri pertemuan pada Oktober 2018," jelasnya.

Dalam perkembangan sama, Jagdeep turut menyeru agar semua penghuni di rumah pangsa atau kediaman bertingkat di negeri ini supaya membayar caj penyelenggaraan bulanan demi kesejahteraan dan keselesaan semua.



JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali), R.S.N. Rayer (dua dari kiri) dan wakil-wakil berwajib meneliti carta cadangan skim warna bagi kerja-kerja pengecatan semula Flat Sri Tanjung di sini baru-baru ini.

"Kita perlu menyemai kefahaman betapa pentingnya membayar caj penyelenggaraan bulanan, kerana apabila perlunya penyelenggaraan atau pembaikan dilaksanakan, maka pihak pengurusan tidak perlu gusar lagi untuk mencari dana bagi menampung kos.

"Oleh itu, contohi Flat Sri Tanjung kerana 40 peratus kos pengecatan ini dibiayai melalui perbadanan pengurusan, dan sebelum ini mereka juga mengeluarkan sebahagian kos menukar tangki air di sini," ujarnya.

Difahamkan, kerja-kerja pengecatan semula akan sempurna sebelum menjelangnya tahun baru 2019.

# Kesiapsiagaan hadapi bencana, kerjasama erat Kerajaan Negeri dan Pusat perlu dijalin

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PENAGA –** Pemberian 18 premis gerai kepada kelolaan Majlis Amanah Rakyat (MARA) diharap dapat membantu mangsa-mangsa tsunami Kuala Muda, Seberang Perai Utara (SPU) memacu ekonomi setempat.

Majlis berkaitan disempurnakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Wan Azizah dalam ucapannya memberitahu bahawa sebelum ini, penyerahan premis gerai tersebut tidak dapat dilaksanakan ekoran beberapa permasalahan melibatkan pentadbiran negeri dan Pusat yang tidak seiring.

"Tetapi, alhamdulillah, kini sudah selari maka semua urusan dapat dipermudahkan.

"18 unit premis gerai ini telah diputuskan secara bersama-sama oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat untuk diserahkan kepada pihak MARA.

"Dengan adanya gerai-gerai ini, diharap dapatlah membantu mangsa-mangsa berkenaan memacu ekonomi setempat," ucapnya pada Program Kesedaran Awam Pengurusan Bencana & Majlis Penyerahan 18 Unit Gerai Di Penempatan Mangsa Tsunami Kuala Muda Pulau Pinang (NADMA-SSI-MARA) di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Hadir sama, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Pasca Bencana (NADMA), Datuk Muhammad Yusoff Wazir dan Ketua Pengarah MARA, Datuk Azhar Abdul Manaf.

Dalam pada itu, Ahmad Zakiyuddin menyatakan, pihaknya berharap pengurusan bencana menjadi agenda penting di Pulau Pinang.

"Kesiapsiagaan di semua peringkat amatlah penting dalam menghadapi bencana pada masa depan, justeru kerjasama erat dan padu antara Kerajaan Negeri serta Pusat harus dijalin agar sentiasa bersedia ketika berdepan bencana," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal.



**DR. Wan Azizah Wan Ismail (bertudung coklat) meneliti alat pengesan gegaran milik pasukan penyelamat SMART pada penganjuran Program Kesedaran Awam Pengurusan Bencana & Majlis Penyerahan 18 Unit Gerai Di Penempatan Mangsa Tsunami Kuala Muda Pulau Pinang (NADMA-SSI-MARA) di sini baru-baru ini.**

# Interaksi Seni, promosi Pulau Pinang destinasi warisan serta budaya

**BERTAM –** Penganjuran program Semarak Seni Budaya bertemakan 'Interaksi Seni' yang diadakan bersempena Hari Ko-Kurikulum Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Haji Abdul Kadir baru-baru ini merupakan platform terbaik perkongsian idea dan khidmat nasihat usahawan seni bersama-sama komuniti serta badan bukan kerajaan (NGO) setempat.

Program berkaitan merupakan anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dan Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) SMK Datuk Haji Abdul Kadir.



**YEOH Soon Hin (tengah, berkot) menyempurnakan cantingan batik pada penganjuran Program Semarak Seni Budaya di sini baru-baru ini.**

Menurut Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin yang hadir menyempurnakan majlis perasmian berkenaan percaya bahawa program seumpama itu mampu mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi unggul warisan serta budaya.

"Kepelbagaian etnik dan budaya di negeri ini menjadi satu daya tarikan untuk para pelancong datang melawat serta mempelajari keunikan nilai budaya yang terdapat di Pulau Pinang.

"Malah, saya difahamkan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MoTAC) melalui JKKN Negeri turut bekerjasama dengan JPNPP dan sekolah-sekolah bagi menganjurkan pelbagai program yang menonjolkan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia," ujarnya pada majlis tersebut.

Selain memberi peluang kepada peserta untuk menunjukkan bakat dan kemahiran, penganjuran berkenaan juga unik.

"Uniknya kerana, penganjuran kali ini turut memperkenalkan beberapa program baharu dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) secara langsung mahupun tidak langsung.

"Saya harap kerjasama seperti ini mampu memberi impak pemberdayaan budaya dan warisan sekaligus merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan negeri ini sebagai hab tarikan budaya dan warisan," katanya.

Sukan rakyat seperti tuju tin, rebut kerusi, sambut belon, tiup tepung, congkak dan galah panjang turut diadakan di samping aktiviti kesenian lain.

## Seminar Insentif Usahawan beri pendedahan pemasaran berkesan

**BAYAN LEPAS –** Kira-kira 250 usahawan menyertai Seminar Insentif Usahawan yang berlangsung pada 17 September lalu di sini.

Program anjuran Pejabat Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), SME Corp. Malaysia dan *Easy Park* tersebut bertujuan memberi pendedahan berkaitan pemasaran berkesan kepada usahawan.

Abdul Halim yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung dalam ucaptamanya menzahirkan harapan agar penganjuran seminar berkenaan mampu memberi pelbagai manfaat kepada usahawan-usahawan yang hadir.

Seminar dibahagikan kepada beberapa sesi antaranya, program memperkasakan usahawan Pulau Pinang melalui inovasi teknologi serta sesi soal jawab berkaitan insentif-insentif yang disediakan Kerajaan Negeri untuk para usahawan di negeri ini.

Antara yang ditampilkan sebagai panelis ialah, ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin dan wakil dari SME Corp. Malaysia, Nor Azam Yahya.




**ABDUL Halim Hussain (berdiri) memberi maklum balas terhadap persoalan yang diutarakan pada penganjuran Seminar Insentif Usahawan di sini baru-baru ini.**

*(Dari muka 1).*

# ETS kembali singgah dua kali sehari di Stesen KTM Nibong Tebal



JASON H'ng Mooi Lye (kanan sekali) pada sidang media di sini baru-baru ini.

**JAWI –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye menyatakan bahawa perkhidmatan keretapi elektrik (ETS) kembali berhenti di Stesen KTM Nibong Tebal mulai 25 September 2018.

"ETS dari Butterworth ke Gemas akan singgah berhenti di Stesen KTM Nibong Tebal pada jam 7.48 pagi, manakala dari Gemas ke Butterworth akan berhenti di sini pada jam 9.39 malam.

"Setiap hari, ETS akan kembali berhenti dua kali untuk mengambil serta menurunkan penumpang di Stesen KTM Nibong Tebal ini," jelasnya pada sidang media mempromosi perkhidmatan pengangkutan awam tersebut di sini 21 September 2018.

Menurut Mooi Lye, isu ETS tidak lagi berhenti di Stesen Nibong Tebal sejak Julai 2015 merupakan antara permasalahan setempat yang dibangkitkan beliau, ketika Menteri Pengangkutan Anthony Loke Siew Fook mengadakan lawatan kerja ke negeri ini pada 6 September lalu.

"Dengan ETS kembali mengambil penumpang di Stesen KTM Nibong Tebal, walaupun trafik penumpang tidak begitu ramai dalam masa terdekat ini, perkembangan terbaru ini akan memudahkan lagi rakyat setempat.

"Mereka boleh terus naik ETS dari Stesen KTM Nibong Tebal, tidak perlu lagi bersusah payah ke stesen terdekat lain iaitu Stesen KTM Bukit Mertajam ataupun Butterworth.

"Terima kasih kepada Menteri, YB Anthony Loke (Siew Fook) atas keprihatinan terhadap permintaan hasrat penduduk setempat di sini, yang telah saya ketengahkan sebelum ini," ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Mooi Lye memberitahu bahawa pihaknya akan cuba berbincang dengan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang berhubung syor menyediakan perkhidmatan bas pengantara awam ke Stesen KTM Nibong Tebal.

"Dalam masa terdekat juga, saya akan cuba berbincang dengan pihak pengurusan KTM sendiri, mengenai cadangan pengindahan kawasan lapang berhampiran Stesen KTM Nibong Tebal ini, kita akan bersihkan kawasan semak-samun di sini dahulu jika dipersetujui kelak.

"Kalau sesuai, mungkin perlu disediakan lot untuk kawasan penjajaan, supaya menambah lagi pelbagai kemudahan kepada penduduk setempat yang menggunakan perkhidmatan ETS dari Stesen KTM Nibong Tebal ini," katanya sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Ketua Menteri yang komited memperbaiki kemudahan pengangkutan awam termasuk di daerah Seberang Perai Selatan.

## Perluaskan 'Duit Kita, Hak Kita' ke peringkat negeri, nasional

**MACHANG BUBOK -** Kejayaan agensi negeri, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) melaksanakan projek perintis bajet penyertaan rakyat 'Duit Kita, Hak Kita' di peringkat Kampung Permatang Tinggi wajar diperluaskan ke seluruh negeri ini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow juga berharap PWDC dapat mengetengahkan kejayaan program pendemokrasian peringkat akar umbi berkaitan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang turut dijadual melawat projek tersebut.

"Kita berharap selepas projek perintis ini, mungkin PWDC ada rancangan untuk memperluaskan program ini ke seluruh negeri Pulau Pinang,

"Dengan kehadiran Timbalan Perdana Menteri, Ketua Pegawai Eksekutif (PWDC) boleh minta beliau memperluaskan program ini sehingga ke seluruh negara," ujarnya dalam Majlis Perasmian Pintu Gerbang Kampung Permatang Tinggi Bagi Projek Perintis Bajet Penyertaan Rakyat 'Duit Kita, Hak Kita' Di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Machang Bubok di sini 24 September 2018.

Turut berucap, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubok, Lee Khai Loon dan Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Mohd. Ali Sebran.

Hadir sama, ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik serta dua Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ong Jing Cheng dan Bernard Cheen Goon Hooi.

Tambah Kon Yeow, Wan Azizah sebagai Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat mungkin boleh melakukan beberapa lagi penambahbaikan terhadap projek perintis PWDC berkenaan, jika berhasrat untuk dilaksanakan di peringkat kementerian, kelak.

Menurut beliau, projek tersebut berjaya antara lain adalah komitmen Khai Loon dan Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam merangkap Timbalan Menteri Belia & Sukan) menyalurkan peruntukan sejumlah RM100,000 sebelum ini.

"Komitmen dan kesungguhan kedua-dua wakil rakyat ini dalam memberi kuasa kepada rakyat untuk menentukan projek pembangunan mengikut keperluan mereka, menerusi bajet yang diperuntukan telah membuktikan bahawa demokrasi dipupuk serta dibudayakan dengan giatnya di peringkat akar umbi negeri Pulau Pinang," jelas Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.



# MAAHAD TAHFIZ BERDAFTAR PENUH DI PULAU PINANG 2018

| Bil. | Kod Sekolah | Nama Sekolah | Alamat Sekolah | No. Tel |
|---|---|---|---|---|
| ***Daerah Seberang Perai Tengah*** | | | | |
| 1. | PZH0001 | MAAHAD TAHFIZ AN NAHDHOH | 843 MUKIM 5, KAMPUNG PETANI, KUBANG SEMANG,14400 BUKIT MERTAJAM | 04-5213500 |
| 2. | PZH0002 | MA`AHAD TAHFIZ NAHDATUL ISLAH | NO.806, MUKIM 5, KUBANG SEMANG, 14400 BUKIT MERTAJAM | 019-4000993 / 01111069537 |
| 3. | PZH0003 | MADRASAH TAHFIZUL QURAN PENANTI | TBP 3268 MENGKUANG TITI, PENANTI, 14400 BKT. MERTAJAM | 04-5215682 |
| 4. | PZH0004 | MAAHAD TAHFIZ IBNU SINA | TAMAN BUNGA RAYA, JALAN BARU, 14000 BKT MERTAJAM, PULAU PINANG. | 04-3901518 |
| 5. | PZH0005 | MAAHAD TAHFIZ AKADEMI AL-QURAN AS-SYAMIL (AQSA) | TAMAN SRI JANGGUS, ALMA, 14000 B. MERTAJAM | 04-5513807 |
| 6. | PZH0006 | MAAHAD TAHFIZ MANABIUL ULUM | KUBANG SEMANG, 14400 BUKIT MERTAJAM | 045212509 |
| 7. | PZH0007 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN DARUS SYATIBIYYAH | 848 MUKIM 16 KAMPUNG TASIK JUNJUNG 14400 BUKIT MERTAJAM | 019-4939143 / 019-566972 |
| 8. | PZH0008 | MAAHAD AL-ARKAN LI TAHFIZ AL-QURAN | NO. 2874, TINGKAT 2, JALAN PERAI JAYA 1, BANDAR PERAI JAYA, 13600 PERAI | 019-4435444 |
| 9. | PZH0009 | MA'AHAD TAHFIZ AL-QURAN FAQIAH DAIMIAH | 13500 PERMATANG PAUH | 04-3901105 |
| 10. | PZH0010 | DARUL TAHFIZ WAL ULUM | 252 MK, 19, MENGKUANG TITI, 14400 BUKIT MERTAJAM | 019 355 4242 / 04 521 1358 |
| 11. | PZH0011 | MAAHAD TAHFIZ SIRAJUL QURAN | NO.16 LORONG LAMPAM SEBERANG JAYA | 0147412678 |
| 12. | PZH0012 | DARUL 'ULUM AL-ISLAMIYYAH AL-BANURIYYAH | TBB 3962, JALAN PERMATANG NIBONG, KAMPUNG PERTAMA, PERMATANG PAUH | 043991119 |
| 13. | PZH001D | ZAINIYYAH QURANIC CENTRE | MASJID JAMEK KG PELET | 0194286027 |
| ***Daerah Seberang Perai Selatan*** | | | | |
| 1. | PZH401D | MA'AHAD AN-NAJAH AR- RABBANIAH | LORONG 4, TAMAN PEKAKA, NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN | 0174163862 |
| 2. | PZH402D | MA'AHAD TAHFIZ AL-IRSYADIAH | JALAN BARU, SUNGAI ACHEH, 14320, NIBONG TEBAL | 019-4524507 |
| ***Daerah Timur Laut*** | | | | |
| 1. | PZH1001 | MAD TAHFIZ AL-QURANUL KARIM BAITUL IRFAN | SURAU KPG. KASTAM, JLN. LEMBAH 11700 BUKIT GELUGOR, P. PINANG. | 04-6590790 |
| 2. | PZH1002 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN FATHUR RAHMAN | NO. 407, JALAN PERAK,JELUTONG, PULAU PINANG | 04-2814293 |
| 3. | PZH1003 | MADRASAH DARUL ULUM AL-HASHIMIYYAH | SURAU ABU BAKAR AS-SIDDIQ, JALAN PADANG TEMBAK, AIR ITAM | 04-8260761 |
| 4. | PZH1004 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN KASYFU AL-ULUM | MASJID TERAPONG, TANJONG BUNGAH,(BERSEBELAHAN MASJID TERAPONG) | 04-8902619 |
| 5. | PZH1005 | MADRASAH TAHFIZ DARUL UKASHA | NO 17 A JALAN BUNGA RAYA, BUKIT GELUGOR , PULAU PINANG | 012-4444262 |
| 6. | PZH101D | MA'HAD TAHFIZ AL AHMAD DARUL QURAN | NO 324B TINGKAT SUNGAI GELUGOR 4, GELUGOR | 0164500124 / 0164138786 |
| 7. | PZH102D | MA'AHAD TAHFIZ AL-QURAN DARUL TAQWA | QARYAH MASJID BATU UBAN, 11700, GELUGOR, PULAU PINANG | 014-2504913 |
| ***Daerah Barat Daya*** | | | | |
| 1. | PZH3001 | MADRASAH MIFTAHUL IRFAN | NO.247 LOT 267, MK. 3,JLN. SG. PINANG, SG. RUSA | 04-8663221 |
| 2. | PZH3002 | TAHFIZ DARUL FURQAN | LOT 172, MUKIM 3, SG. RUSA, BALIK PULAU | 0194091986 |
| 3. | PZH3003 | MA'HAD TAHFIZ MANAHILIL IRFAN | NO. 43, LEBUH BATU MAUNG 4, 11960 BAYAN LEPAS, P.PINANG | 012-5147981 |
| 4. | PZH3004 | MADRASAH DARUS SAADAH | NO 20,SOLOK RAJAWALI 5,11900 BAYAN LEPAS | 046437186 |
| 5. | PZH3005 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN DARUL TAHZHIB | LOT 149, MUKIM C, KG. PERMATANG PASIR, 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG | 019-457 5332 |
| 6. | PZH301D | ARABIC MODEL SCHOOL | SEK AGAMA RAKYAT SG.ARA, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | 0184696753 |
| ***Daerah Butterworth*** | | | | |
| 1. | PZH2001 | MADRASAH TAHFIZ AL-KAYYIS | MASJID LAMA MERBAU KUDONG, SG. DUA, BUTTERWORTH | 012-5661300 |
| 2. | PZH2002 | PUSAT TAHFIZ AL-IRSHAD SG DUA | NO. 3200 NYIUR SEBATANG, TASEK GELUGOR | 04-3565055 |
| 3. | PZH203D | MADRASAH TAHFIZ HIDAYATUL ULUM | JALAN BENDAHARA TELUK AYER TAWAR | 0189471046 |
| 4. | PZH204D | MADRASAH TAHFIZ AR-RAHMAH | TBP 6981 GELUNG BUBU, PEKAN DARAT | 01140766355 |
| 5. | PZH205D | MA'HAD TAHFIZ AS SYAFIE | 708 LUBUK MERIAM, TASEK GELUGOR | 0194454544 |
| 6. | PZH206D | MADRASAH TAHFIZ FATHUL ULUM | TAMAN BAGAN JERMAL JALAN KG GAJAH | 0139646738 |
| 7. | PZH207D | MADRASAH TAHFIZ AL-QURAN NIKMATUL IMAN | 2855 MUKIM7 PEKAN DARAT, SUNGAI DUA, 13800 BUTTERWOTH, PULAU PINANG. | 0197267435 |
| ***Daerah Kepala Batas*** | | | | |
| 1. | PZH2007 | MADRASAH TAHFIZ AL FALAH | LOT 906, MUKIM 6, JALAN PAYA KELADI HUJUNG, KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA | 045750062 / 0134174543 |
| 2. | PZH2008 | PUSAT PENGAJIAN DARUL HADIS PULAU PINANG | LOT 439 & 440, MUKIM 12, POKOK MACHANG | 045731118 |
| 3. | PZH201D | MADRASAH AL-QURAN WAL ARABIYYAH | NO 1845, LORONG SERI GELUGUR 4, TAMAN SERI GELUGUR, TASEK GELUGUR | 0134881601 |
| 4. | PZH202D | MADRASAH ABU BAKAR | NO. 2015 KAMPUNG TASEK, KUBANG MENERONG | 019-4653399 |
| 5. | | MA'HADUL AZHAR | POKOK SENA, 13200 KEPALA BATAS, P. PINANG | 013-4423040 |

***Sumber: Bahagian PendidikanJabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang.***

# Premis makanan yang BERSIH, SELAMAT dan SIHAT semestinya "BeSS"

BeSS
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
Bersih, Selamat dan Sihat

**Pengiktirafan "Bersih, Selamat dan Sihat" atau BeSS adalah satu pengiktirafan kepada premis makanan bagi menggalakkan pengusaha premis menyediakan makanan yang selamat dan sihat kepada pelanggan.**

***Premis Makanan BeSS akan sentiasa:***

- Mengamalkan premis yang bersih
- Menyediakan makanan yang selamat
- Menyediakan pilihan makanan yang lebih sihat
- Mempromosikan saiz hidangan makanan yang sesuai mengikut keperluan individu

**Cara Memohon:**

**Lengkapkan Borang Pemohonan BeSS yang boleh diperolehi di:**

- **Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan (BKKM),Tingkat 38, KOMTAR atau hubungi talian BKKM: 04-262 5533.**
- **Pejabat Kesihatan Daerah.**
- **Laman Web: http://fsq.moh.gov.my.**

**Tiada sebarang caj dikenakan.**
**Pengiktirafan ini adalah PERCUMA.**

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 8133 509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Arumugam | (T) |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysrregnot@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan




25hb November 2018
***Penang Bridge International MARATHON 2018***

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2018

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupananthа | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Elemperu Valuthi | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556<br>018 - 467 0037 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | Nakulan A/L Muthumanikam | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 010 - 462 0073 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2018

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari

www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# Gunung 'arang' kini sebuah taman sakura

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **LAW SUUN TING & SHANXI JINFENG HEATING CO. LTD.**



KEADAAN sebelum dan selepas kerja-kerja penambahbaikan.

**ASALNYA** sebuah lombong arang batu terbiar dan tapak pelupusan sampah, kini lokasi yang tandus dan penuh berbatu-bata ini telah bertukar menjadi sebuah taman pergunungan yang begitu mempesonakan.

Taman Pergunungan Pinggir Bandar Yuquan yang terletak di Bandar Taiyuan, Shanxi, China begitu mengagumkan penulis. Ditambah pula apabila berpeluang bertemu dengan Pengarah Urusan Shanxi Jinfeng Heating Co. Ltd., Zhang Junping yang mengambil inisiatif membaik pulih lokasi berkaitan menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) di bawah syarikatnya.



ZHANG Junping.

Seorang yang agak pemalu dan tidak pandai berkata-kata, namun, usaha beliau membaik pulih semula kawasan berkaitan untuk dijadikan sebuah pusat rekreasi awam adalah perlu dicontohi.

Junping menyatakan bahawa misinya adalah bermula pada tahun 2009.

"Daripada keseluruhan kawasan seluas 13 kilometer persegi, kira-kira 200 tapak perlombongan arang batu dan tujuh lokasi pembuangan sampah dikenal pasti ketika kami mula-mula menjejakkan kaki di sini.

"Bukan mudah, usaha keras diperlukan terutamanya dalam mengenal pasti kaedah untuk menanam pokok serta pemasangan sistem pengairan bagi memastikan tumbuh-tumbuhan hidup di tapak ini," katanya kepada wakil Buletin Mutiara yang mengadakan kunjungan ke Taman Pergunungan Pinggir Bandar Yuquan baru-baru ini.

Menurut Junping, pada tahun 2009, beliau mempertaruhkan sejumlah pelaburan dan mengupah buruh kasar tempatan serta dari Sichuan untuk menebus guna, menarah batu-bata, membersihkan sampah-sarap dan lain-lain kerja kasar di kawasan ini.

"Pada tahun 2009, ketika menjejakkan kaki di bukit ini, kami seolah-olah 'menggeletar'… kelihatan sebidang tanah tandus luas, tiada air, tiada elektrik, tiada jalan, penempatan… ia adalah suatu misi yang mustahil. Apatah lagi, hampir keseluruhan 80 peratus daripada ia adalah berbatu.

"Bagaimanapun, kami bertekad merealisasikannya. Peruntukan digunakan sepenuhnya untuk 'menghidupkan' kawasan pergunungan ini.

"Malah, dalam tempoh 10 tahun ini, kakitangan yang bekerja masih perlu menetap di dalam khemah kerana tumpuan adalah terhadap usaha pemuliharaan… semuanya bekerja dengan amat keras dan berkorban demi ia," ujarnya.

Mengulas lanjut, kata Junping, dalam tempoh proses pembaikpulihan tersebut, tiga penekanan utama diberikan terutamanya menambah baik permukaan iaitu menerusi pemasangan anak-anak tangga kayu dan menggali lubang bagi tujuan penanaman pokok. Sehingga kini, kira-kira 6 juta lubang telah digali.

"Ia kemudian disusuli dengan proses pemasangan paip bagi tujuan pengairan sebelum membawa bungkusan beg-beg tanah untuk diisi di dalam lubang-lubang yang digali.

"Selesainya proses berkaitan, sepohon demi sepohon pokok dipunggah naik untuk ditanam, dan jumlah catatan kini adalah sebanyak 5.3 juta pokok.

"Apa yang menyedihkan dalam proses awalan adalah kebanyakan pokok-pokok berkaitan tidak dapat tumbuh dan mati selain sering terdedah dengan kejadian kebakaran.

"Justeru, kami terpaksa mencari serta mengenal pasti alternatif lain terutamanya dalam usaha pemindahan serta sistem pengairan," jelasnya.

Tanpa berputus asa, Junping meneruskan usaha termasuk empat kali memperbaiki sistem pengairan sedia ada sebelum meneruskan pembinaan jalan raya sepanjang 105 kilometer – yang kini memberi akses kepada umum untuk meneroka taman pergunungan berkaitan.

Kini, setelah selesai dua fasa pertama, Taman Pergunungan Pinggir Bandar Yuquan mula dibuka untuk umum pada tahun 2014.

Kawasan berkenaan kini ditumbuhi dengan 200,000 pokok ceri, pokok plum (500,000) dan buluh hijau (1 juta) selain sakura yang menjadi tarikan utama.

Perjalanan selama 20 minit dari kaki bukit ke puncak begitu mempersonakan dengan kuntuman bunga-bunga sakura, ceri dan plum berwarna keputihan, merah jambu, ungu dan hijau yang mekar berkembang terutamanya pada bulan April.

Malah, dalam tempoh setahun, dicatatkan seramai 1 juta pengunjung mengunjungi lokasi berkaitan.

Bagi Junping, walaupun banyak pihak serta rakan-rakan yang tidak bersetuju dengan tindakan serta inisiatifnya, namun beliau yakin bahawa sekiranya diri tidak dapat merealisasikan impian berkaitan, ia akan diteruskan oleh anak ataupun cucunya.

"Saya percaya ia akan berjaya. Kita hanya perlu bertahan dan tidak mudah putus asa.

"Taman ini dijangka disempurnakan dalam tempoh lima tahun akan datang. Walaupun saya masih belum meraih sebarang keuntungan, saya tidak pernah menyesali keputusan diambil ini.

"Setiap pokok adalah seperti 'anak' saya, melihat mereka membesar adalah sesuatu perkara yang paling indah di dunia ini," katanya mengakhiri sesi temu bual berkaitan.

Pendapat penulis, ia adalah tidak mustahil untuk dilaksanakan di Pulau Pinang, malah ia cuma menunggu tempoh masa sesuai.

Sekiranya ia dilaksanakan, Pulau Pinang pastinya mendahului dalam inisiatif ini.



LUBANG-lubang di lereng digali sebelum memasukkan anak-anak pokok.



PARA pekerja menarah permukaan lereng yang berbatu bagi tujuan penanaman.



SUASANA pemandangan di Taman Pergunungan Pinggir Bandar Yuquan kini.



BUNGA sakura menjadi tarikan utama.

# Sahut *Penang2030*, YDP seru penduduk Seberang Perai lazimi aktiviti terapi rimba

Gambar : **MPSP**

**MACHANG BUBOK –** Hampir 100 peserta juga, rata-rata penduduk tempatan, menyertai Program Forest Bathing MPSP 2018 di Taman Rimba Bukit Mertajam, Jalan Kolam Cherok Tok Kun di sini pada awal pagi 29 September lalu.

Masing-masing bersenamrobik memanaskan badan, sebelum menyahut cabaran program terapi rimba.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud diiringi Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod sendiri menyempurnakan acara pelepasan, serta menyertai acara jalan-jalan rimba itu.

Hadir sama, Tan Choo Eng bersama-sama aktivis Persatuan Pencinta Alam Malaysia serta Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Negeri.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Rozali menyatakan bahawa pentadbirannya menganjurkan program terapi rimba berkenaan enam kali dalam setahun demi mempromosi faedah aktiviti itu kepada penduduk Seberang Perai.

"Pelbagai penyakit dapat dikawal melalui aktiviti *forest bathing* ini (selain) meningkatkan imunisasi badan, mengurangkan tekanan darah, mengurangkan tekanan *(stress)*, meningkatkan *positive mode*, mempercepat penyembuhan daripada pembedahan serta kesakitan, meningkatkan tenaga dan meningkatkan kualiti tidur.



**SAMBIL berjalan dalam hutan hijau, seorang aktivis memberikan penerangan mengenai faedah *Shirin-You* atau terapi rimba, mengenai jenis-jenis pokok hutan serta kegunaannya untuk kesihatan tubuh manusia.**



**ANTARA laluan para peserta dalam penganjuran Program Forest Bathing MPSP 2018 di sini baru-baru ini.**

"Memandangkan terdapat pelbagai manfaat kesihatan dan rekreasi, selain daripada menyumbang ke arah pemuliharaan serta pemeliharaan alam sekitar, program terapi rimba ini telahpun disenaraikan sebagai salah satu program di bawah Pelan Strategik MPSP Tahun 2018 – 2022, yang akan diadakan enam kali setahun," jelasnya pada penganjuran berkaitan.

Difahamkan, konsep *forest bathing* ataupun terapi minda tersebut mula diperkenalkan di Jepun pada tahun 1980-an, dengan sebutan *'Shirin-You'*.

Dikatakan, *Shirin-You* adalah asas penjagaan kesihatan, pencegahan dan penyembuhan dalam perubatan Jepun, dengan melibatkan diri dalam satu aktiviti riadah atau rekreasi ringkas dengan berjalan-jalan dalam kawasan hutan hijau sedia ada, sambil menghirup udara segar serta menikmati dan menghargai keindahan alam semula jadi.

"*Shirin-You* ini merupakan terapi diri serta terapi minda yang merangsang semua deria manusia dan memperoleh ketenangan yang tidak dapat kita peroleh di bandar-bandar.

"Tujuan kita (MPSP) anjur enam kali setahun program terapi rimba ini adalah untuk mempromosi aktiviti ini, kalau boleh setiap hujung minggu penduduk dapat melaksanakan sendiri aktiviti ini bersama-sama keluarga," serunya.

Dalam perkembangan berkaitan, menurut Rozali, tumpuan MPSP menganjurkan program terapi rimba berkaitan juga sekaligus menyahut gagasan *Penang2030* yang dilancarkan sendiri oleh pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, dengan tema 'memberi tumpuan pada kekeluargaan, negeri hijau serta bandar pintar'.

# ADUN, ICU bincang serah hak pemilikan Astaka Taman Tun Sardon

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**SERI DELIMA –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abd. Rashid menegaskan bahawa pihaknya sedang mengadakan perbincangan dengan Unit Penyelarasan Perlaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) dalam usaha menyerahkan pemilikan Kompleks Astaka Taman Tun Sardon kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Katanya, sebelum ini terdapat beberapa kekangan masalah yang tidak mencapai kata putus ekoran corak pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang tidak seiring.

"Bangunan ini dan segala hal penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab ICU, tetapi hal-hal penyelenggaraan seperti penukaran lampu dan sebagainya adalah dilaksanakan MBPP.

"Jadi, jika berlaku sebarang masalah, akan ambil masa yang agak lama untuk dibaiki dan diselenggara berikutan kekangan hubungan di antara Pusat dan Kerajaan Negeri sebelum ini," katanya pada Majlis Penyampaian Kanopi I ♥ Penang kepada Penjaja Taman Tun Sardon di sini 30 September 2018.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi MBPP, C.P. Vino Dini.

Pada majlis berkaitan, sebanyak 27 kanopi I ♥ Penang diserahkan kepada para peniaga berdaftar berkenaan. Turut berlangsung adalah penyampaian cek sumbangan RM300 kepada lima pelajar terpilih Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sri Delima sebagai penghargaan memperoleh tawaran memasuki institut pengajian tinggi (IPT).

Mengulas lanjut, Syerleena menyatakan bahawa pentadbiran Pusat dan Kerajaan Negeri telah sama-sama sepakat kini, maka kesempatan berkaitan diambil bagi menyelesaikan dilema selama ini.

"Kami mengambil kesempatan ini untuk meminta pihak ICU menyerahkan bangunan ini kepada pengurusan dan pemilikan pihak MBPP," serunya sambil menyatakan bahawa perbincangan masih berlangsung tetapi beliau yakin bakal mencapai satu kata putus positif tidak lama lagi.

Tambah Syerleena, dua lagi inisiatif yang sedang diusahakan pihaknya khusus untuk kawasan Taman Tun Sardon adalah pembaikan jalan-jalan di kawasan sekitar dan memperbanyakkan aktiviti sihat komuniti.

"Jalan di sini perlu diperbaiki serta diselenggara semula, itu pun kita masih dalam usaha melaksanakannya, harap-harap berita baik dapat diperoleh dalam jangka masa terdekat.

"Dan keduanya, Dewan Komuniti Pasar Tun Sardon akan dipenuhi dengan acara-acara sihat seperti zumba dan kelas-kelas mempertahankan diri seperti karate dan sebagainya khas untuk penduduk setempat.

"Harapan saya, usaha-usaha positif ini akan terus dilaksanakan," ujarnya.




**SYERLEENA Abd. Rashid (dua dari kiri) menyerahkan bungkusan kanopi I ♥ Penang kepada sebahagian penerima layak pada majlis penyerahannya di sini baru-baru ini.**

Kemungkinan nama ia adalah asing di peta pelancongan dunia termasuk bagi penulis. Namun, apabila berpeluang meneroka wilayah berkaitan selama empat hari, penulis seakan-akan 'jatuh cinta'.

Terletak di bahagian utara negara China, Shanxi bermakna 'gunung di sebelah barat' dengan merujuk kepada Gunung Taihang dan Gunung Luliang. Selain dikelilingi dengan geografi pergunungan, Sungai Fen yang menjadi sumber air penting mengalir di tengah-tengah wilayah berkaitan. Umumnya ketika berada di sana, tiada langsung bayu laut yang dirasai. Sesuatu yang dirindui penulis, umumnya.

Di antara lokasi-lokasi yang dibawa melawat, kompleks Kuil Jin atau Jinci yang diasaskan kira-kira 1,400 tahun lalu dan diperkembangkan merentasi abad membawa kepada kira-kira 100 campuran koleksi kepelbagaian reka bentuk, bangunan, jambatan dan ukiran amat menarik perhatian penulis.

Seni ukiran serta lukisan pada bahagian dalam bumbung terutamanya di bahagian bangunan utama dikenali sebagai *'The Hall of the Holy Mother'* yang dibina pada tahun 1023 hingga 1032 di zaman pemerintahan Dinasti Song memukau mata penulis!

Ditambah pula dengan lawatan ke kota lama, Pingyao yang tersenarai sebagai salah satu tapak UNESCO dunia adalah amat mengagumkan. Titisan hujan renyai menambahkan lagi nostalgia kota yang disenaraikan sebagai *'best walled cities in the world'* itu!

Sebagai wilayah pengeluar arang batu utama bagi negara China, lawatan ke Muzium Arang Batu menawarkan pengalaman tidak kurang hebatnya terutamanya laluan cari gali arang batu yang dibina khas. Pada masa sama, Muzium Shanxi juga wajar diletakkan di dalam senarai lokasi lawatan.

Menurut jurupandu pelancong penulis di Shanxi, Jia Shao Peng, 24, bagi pelancong



**RUPA bentuk salah satu struktur bangunan utama Kuil Jin atau Jinci di Shanxi.**



**SUNGAI Fen yang menjadi sumber air penting mengalir di tengah-tengah wilayah Taiyuan, Shanxi.**



**REKA bentuk unik yang terdapat di Jinci.**

*(Sambungan di muka 22 & 23).*

(Sambungan dari muka 21.)

# Xi'an ibarat 'bidadari yang sedang menari' pada waktu malam



*Xi'an City Wall* yang terletak di tengah-tengah bandar Shaanxi, Xi'an.



KEADAAN di *Muslim Street*, Shaanxi.

yang tidak boleh berbahasa Mandarin, terdapat pakej-pakej pelancongan khas disediakan termasuk khidmat jurupandu berbahasa Inggeris.

"Malah, bagi pelancong beragama Islam, makanan adalah tidak menjadi masalah kerana selain restoran sayur-sayuran *(vegetarian)* yang tumbuh bak cendawan di sini, terdapat juga komuniti Islam di sini yang membuka restoran-restoran khas bagi memenuhi permintaan berkaitan termasuk kawasan khas yang menempatkan pusat ekonomi golongan berkaitan," jelasnya yang telah dua tahun berkecimpung di dalam industri tersebut.

Shao Peng yang amat petah berkata-kata dan berpengetahuan menyatakan bahawa Taiyuan kini sedang berkembang dengan pesat dengan wujudnya zon-zon perindustrian yang salah satunya menempatkan industri pembuatan roda serta keluli landasan keretapi utama bagi republik berkaitan.

Bagaimanapun, inisiatif hijau adalah amat dititikberatkan di Shanxi dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini terutamanya ekoran kesan penggalian arang batu yang dijalankan selama berkurun lamanya di sini.

## Shaanxi, Xi'an

Dari Pingyao, kumpulan penulis menaiki kereta api berkelajuan tinggi untuk ke Shaanxi, Xi'an. Selain keadaan kereta api yang selesa, perjalanan kira-kira tiga jam setengah amat memukau dengan kawasan-kawasan pergunungan yang ditumbuhi tanaman jagung, gandum, pic dan lain-lain bijirin serta buah-buahan.

Lei Yang yang merupakan jurupandu pelancong penulis di Shaanxi memberitahu bahawa terdapat kira-kira 50,000 komuniti Muslim di sini dan pusat ekonominya adalah tertumpu di *Muslim Street*.

"Kami memang ada menerima pelancong Melayu dan Singapura termasuk Malaysia.

"Tiada masalah kerana di sini juga terdapat makanan halal selain jurubahasa berbahasa Inggeris.

"Kebanyakan yang mengadakan lawatan ke sini adalah mereka yang berminat dengan sejarah tamadun China. Untuk menjelaskan sejarah China yang dalam, ia adalah salah satu cabaran bagi jurupandu pelancong, banyak bahasa isyarat dan perumpamaan bagi mengaitkan keadaan kini terpaksa digunakan," ujarnya sambil tersenyum sipu.



RODA serta keluli landasan kereta api yang dihasilkan di *Taiyuan Heavy Industry Railway Transit Equipment Co. Ltd.*



KERETA api berkelajuan tinggi yang membawa kumpulan penulis dari Pingyao ke Shaanxi, Xi'an.

*(Sambungan dari muka 22.)*

# Xi'an, sejarah dan ekonomi berkembang seiringan



**MUZIUM Terracotta di Xi'an.**

**USAHA mencari gali dan pengubahsuaian masih berjalan.**

Tarikan utama Shaanxi pastinya adalah Muzium Terracotta yang agung. Melihat riak muka setiap tentera yang berbeza dan teratur rapi di dalam makam Maharaja pertama China, Qin Shi Huang merupakan pengalaman yang tidak dapat diluahkan dengan kata-kata.

Namun, disebabkan terlalu sesak dengan para pengunjung, tidak banyak masa yang dapat diluangkan bagi meneliti keagungan berkaitan dengan lebih lama.

Bandar Shaanxi paling memukau adalah pada waktu malam. Lei Yang menyatakan bahawa bandar tersebut pada waktu malam adalah umpama 'bidadari yang sedang menari'. Apa tidaknya, semua bangunan kuno seperti *Xi'an City Wall*, *Bell and Drum Towers* dan *Giant Wild Goose Pagoda* semuanya amat memukau dengan gemerlapan lampu pelbagai warna.

Selain produk pelancongan, Xi'an kini turut berkembang pesat membangun sebagai pusat ekonomi bagi menyaingi Beijing dan Shanghai kini.

*Xi'an High Tech Industrial Development Zone* yang mendaftarkan 700,000 industri dalam dan luar negara pada tahun 2017; *Xi'an Trade and Logistic Park Planning* dan *China (Shaanxi) Pilot Free Trade Zone* antara tapak-tapak industri yang dilawat penulis, pastinya ia bakal menyediakan Xi'an sebagai kuasa unggul China dalam tempoh terdekat.

Malah, dengan sejarah berusia 3,100 tahun meliputi 13 dinasti seperti Zhou, Qin, Han dan Tang, serta permulaan titik Laluan Sutera, pastinya Xi'an akan terus terpahat di peta dunia kelak.

*(Terima kasih Konsulat China di Pulau Pinang yang memberi peluang kepada Buletin Mutiara mengikuti pengembaraan ini).*



**LAWATAN ke kilang cuka Baoyuan, Shanxi.**



**LAMPU warna-warni yang memukau di *Bell and Drum Towers*, Shaanxi, Xi'an.**



**CUKA berusia 20 tahun yang dirasai penulis. Sedap dan harum!**



**ARTIFAK paling berharga yang ditempatkan di Muzium Shanxi.**

# Pemilik premis, penjaja tidak patuhi kebersihan terima kompaun

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **MBPP**

**GEORGE TOWN –** Sebanyak empat kompaun dan dua notis dikeluarkan terhadap beberapa peniaga di Tapak Penjaja Lebuh Chulia dan Padang Kota Lama yang didapati melanggar peraturan baru-baru ini.

Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Wong Yuee Harng berkata, antara kesalahan yang dilakukan ialah mengalirkan sisa makanan ke dalam parit dan tempat awam.

"Ini termasuk juga kegagalan penjaja menjaga kebersihan premis dan menyelenggara perangkap minyak dengan betul.

"Sebanyak empat kompuan dan dua notis tidak mematuhi syarat Undang-undang Kecil Penjaja 1979 telah dikeluarkan terhadap para penjaja ini mengikut syarat-syarat yang telah diberikan.

"Diharap para pemilik premis dan penjaja akan sentiasa menjaga kebersihan serta menyelenggara perangkap minyak mengikut kadar masa yang sesuai," ujarnya selepas mengetuai operasi bersama-sama Jabatan Pelesenan MBPP di sini 21 September lalu.

Sejajar dengan itu, menurut Yuee Harng, MBPP akan meningkatkan lagi usaha dalam memberi kesedaran kepada pemilik premis, khususnya golongan penjaja makanan.

"Operasi ini akan diteruskan secara berkala mengikut jadual yang telah ditetapkan bagi menyuntik lebih kesedaran kepada pemilik premis serta penjaja dalam usaha menjaga kebersihan dan mematuhi peraturan ditetapkan," tegasnya.



**SALAH seorang kakitangan MBPP melakukan pemeriksaan dekat salah sebuah gerai dalam operasi yang dijalankan di sini baru-baru ini.**

## Serap SST untuk perkhidmatan tempat letak kereta MBPP

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bersetuju menanggung Cukai Perkhidmatan (SST) bagi bayaran tempat letak kereta di bawah kendalian dan pengurusan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan, umum Datuk Bandarnya, Dato' Ar. Yew Tung Seang.



**AR. Yew Tung Seang.**

Kata Tung Seang, secara dasarnya MBPP terpaksa menanggung kira-kira RM30,000 sebulan ke atas Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang sebelum ini turut dipersetujui ditanggung pihak berkaitan sebelum pelaksanaan SST.

"Ini sama dengan GST, yang mana kita bersetuju tanggung kos pelaksanaannya dahulu, cuma SST kali ini ia melibatkan tempat letak kereta yang diuruskan Majlis, jadi kosnya akan diserap oleh kami (MBPP)," ujarnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis dekat Dewan Bandaraya di sini 27 September lalu.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali, Ahli-ahli Majlis iaitu Wong Yuee Harng, Ahmad Azrizal Tahir dan Nur Zarina Zakaria.

Mengulas lanjut, Tung Seang memberitahu, bermula 1 September 2018, di bawah Kumpulan I, Perkara 4, Jadual 1 Akta Cukai Perkhidmatan 2018, sesiapa yang menguruskan atau menyediakan tempat letak kereta untuk kenderaan yang mana perkhidmatan ini dikenakan bayaran, ia adalah tertakluk kepada SST.

Dalam pada itu, Pengarah Perbendaharaan MBPP, Suhaida Kamalul Ariffin menjelaskan, MBPP akan membayar enam peratus daripada keseluruhan kutipan hasil sistem letak kereta berkupon dan pas bulanan.

"Secara kasarnya, jika sebulan MBPP dapat mengutip kira-kira RM600,000 daripada penjualan kupon dan pas bulanan, maka jumlah perlu dibayar adalah enam peratus daripada jumlah tersebut," jelasnya.

## Kerajaan Negeri, MBPP hasrat teruskan usaha pemutihan hotel

**GEORGE TOWN –** Sejak 20 Jun 2015 sehingga 31 Disember 2017, sejumlah 267 hotel di kawasan pulau khasnya membabitkan kawasan George Town terlibat dalam Program Pemutihan Hotel yang dilaksanakan secara usahasama oleh Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Menurut Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo, objektif Program Pemutihan Hotel berkaitan adalah untuk membantu pengusaha-pengusaha hotel di negeri ini memperoleh lesen tetap daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai pendekatan untuk membantu para pengusaha hotel (mendapatkan lesen tetap), dan antaranya mengadakan sesi perjumpaan khas bersama-sama pengusaha atau operator hotel.

"Meskipun program ini telah tamat (pada 31 Disember 2017), kita (Kerajaan Negeri dan MBPP) masih berhasrat untuk meneruskan usaha pemutihan ini terutamanya di kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

"(Dan) saya berharap pengusaha hotel dapat memberikan kerjasama sewajarnya untuk menjadikan premis mereka sah beroperasi, dan kita (Kerajaan Negeri dan MBPP) akan membantu memudahcarakannya," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Pengarah Program Pemulihan Bandar (George Town dan Butterworth), Murali Ram serta ketua-ketua jabatan berwajib.

Mengulas lanjut, Jagdeep berkata, pihaknya akan memastikan status George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO terus terpelihara.

"Oleh itu, saya mengadakan satu mesyuarat penyelarasan bagi menentukan hala tuju pengusaha-pengusaha hotel yang masih ingkar dan tidak berjaya memperoleh lesen tetap daripada MBPP.

"Bagi pengusaha yang berminat untuk jadikan premis mereka sebagai sah operasi, kita (Kerajaan Negeri dan MBPP) sedia membantu, tetapi bagi mereka yang ingkar, mungkin tindakan akan diambil kelak," tegasnya.

Sementara itu, Jagdeep turut menyenaraikan jumlah hotel yang terlibat dengan pemutihan sebelum ini dan diklasifikasikan kepada tujuh kategori utama.

(1) Hotel Yang Telah Memperolehi Lesen Tetap (23)
(2) Hotel (Rumah Inap) (5)
(3) Hotel Yang Memperoleh Kelulusan Pelan Bangunan (48)
(4) Hotel Yang Tidak Memperoleh Kelulusan Pelan Bangunan (8)
(5) Hotel Yang Dalam Proses Mendapatkan Kelulusan Pelan Bangunan (1)
(6) Hotel Yang Tidak Mengemukakan Permohonan Pelan Bangunan (112)
(7) Hotel Yang Telah Tutup Dan Tidak Beroperasi Lagi (70)

# Bajet 2019 MPSP komited ke arah Seberang Perai Bandar Rendah Karbon

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal menanam 50,000 pokok sebelum tahun 2022, dengan anggaran pokok yang ditanam tiap-tiap tahun adalah berjumlah kira-kira 10,000 batang pokok.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr Rozali Mohamud berkata demikian ketika membentangkan Bajet Tahun 2019 MPSP di sini 25 September lalu.

Beliau yakin 'program hijau' sebegitu secara material akan melonjakkan lagi potensi Seberang Perai untuk diiktiraf sebagai bandar rendah karbon dan bandar pintar menjelang tahun 2022.

"Bandar rendah karbon merupakan sebuah bandar yang berkemampuan membekalkan pembangunan asas di bandar, tanpa mengabaikan keperluan penduduk, dan pada masa sama mampu mengawal pembebasan gas rumah hijau di bawah purata global.

"Penanaman pokok adalah penting dalam mengimbangi pelepasan karbon melalui penghasilan oksigen," jelas Rozali dekat Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini 25 September 2018.

Sehingga 7 September lalu, kata Rozali, jumlah pokok yang telah ditanam di seluruh Seberang Perai adalah 255,315 batang (pokok).

"Dari 1 Januari hingga 7 September 2018 sahaja, jumlah pokok yang telahpun ditanam adalah 8,743 batang pokok," katanya sambil menyatakan bahawa belanjawan tahunan berkaitan adalah bertemakan 'Menyantuni Rakyat'.

Dalam perkembangan berkaitan, tambah Rozali, tahap keutamaan dalam belanjawan berkenaan adalah ditentukan berdasarkan hasil Soal Selidik Bajet 2019.

"Mengikut Soal Selidik Bajet 2019, 15.2 peratus pihak berkepentingan mahu perbelanjaan Majlis memberi tumpuan kepada Pembangunan Hijau Dan Persekitaran Bersih.

"Justeru, diperuntukkan sebanyak RM35.26 juta iaitu 11.9 peratus daripada jumlah (anggaran) perbelanjaan.

"(RM35.26 juta peruntukan ini) bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan pelupusan sisa pepejal...bagi menjadikan Seberang Perai lebih bersih," katanya.



SR. Rozali Mohamud.

Rozali menganggap Bajet 2019 MPSP terbabit adalah selari dengan *Penang2030*, iaitu wawasan pembangunan masa depan negeri sehingga tahun 2030 yang digagas oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

"Bajet Tahun 2019 (MPSP) ini juga adalah selari dengan *Penang2030* yang dilancarkan pada 29 Ogos 2018 dengan wawasan Pulau Pinang Pintar, Hijau dan Mesra Keluarga," jelasnya.

## Belanjawan defisit 2019 efisien depani ekonomi mencabar, sejahterakan penduduk

**SEBERANG JAYA -** Perbelanjaan defisit oleh Kerajaan sendiri dalam sektor awam bukan sahaja bakal mewujudkan simpanan bersih dalam bentuk wang tunai *(net savings)* bagi sektor kewangan bukan kerajaan dalam ekonomi, bahkan secara keseluruhan turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Justeru, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu, belanjawan defisit kira-kira RM24.76 juta bagi tahun 2019 adalah efisien dan relevan, demi melawan kelembapan ekonomi serta meningkatkan kualiti hidup penduduk.

Dalam Bajet MPSP Tahun 2019, beliau mencadangkan peruntukan berjumlah RM259.99 juta berbanding RM271.23 juta anggaran pendapatan.

"Bajet defisit bertujuan menjana aktiviti ekonomi dan memenuhi keperluan pembangunan mampan demi kesejahteraan penduduk Seberang Perai dan ia sebagai langkah *'countercyclical'* untuk melawan kelembapan ekonomi.

"Maka, bajet defisit masih relevan, efisien dan tidak dapat dielakkan (walaupun) MPSP senantiasa mengamalkan perbelanjaan berhemah," jelas Rozali ketika membentangkan Bajet Tahun 2019 MPSP di sini 25 September 2018.

Difahamkan, polisi fiskal yang lazim diambil oleh sesebuah kerajaan demi mendepani kelembapan ekonomi antaranya adalah dengan meningkatkan perbelanjaan serta menurunkan kadar cukai.

Namun secara ringkas, langkah *'countercyclical'* adalah bertentangan dengan polisi fiskal yang lazim diambil iaitu dengan mengekang perbelanjaan supaya peningkatan pendapatan 0.9 peratus seimbang dengan peningkatan perbelanjaan yang juga 0.9 peratus, dalam pada itu menyusun perbelanjaan secara berhemah dan mengurus sumber asli secara lebih efektif untuk mengoptimumkan *outcome*," ujarnya.

Lalu, Rozali menyatakan bahawa seperti tahun-tahun sebelumnya menyaksikan Cukai Taksiran merupakan penyumbang utama untuk pendapatan keseluruhan MPSP iaitu sebanyak RM191.54 juta atau 71 peratus.

"Bagaimanapun, kutipan hasil cukai ini hanya berjaya dicapai sekiranya 100 peratus pembayar cukai menjelaskannya.

"Kumpulan Wang Majlis adalah mencukupi untuk membiayai defisit yang dicadangkan pada tahun 2019," katanya.

Dalam Bajet Tahun 2019 MPSP, menurut Rozali, perbelanjaan mengurus sejumlah RM272.5 juta, RM8.88 juta untuk perbelanjaan pembangunan dan RM14.61 juta lagi bagi perbelanjaan harta modal.

"Secara keseluruhan, terdapat peningkatan perbelanjaan sebanyak 0.9 peratus ataupun RM2.53 juta dalam Bajet Tahun 2019, berbanding dengan Bajet Tahun 2018 iaitu RM293.46 juta.

"Perbelanjaan mengurus menurun sebanyak 2.1 peratus atau RM5.94 juta daripada RM278.45 juta dalam Bajet 2018 kepada RM272.5 juta dalam Bajet 2019.

"Perbelanjaan pembangunan meningkat sebanyak 31.4 peratus atau RM2.12 juta, iaitu daripada RM6.76 juta dalam Bajet 2018 kepada RM8.88 juta dalam Bajet Tahun 2019," ujarnya.

Beliau memberitahu, jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2019 adalah berjumlah RM77.17 juta, iaitu merangkumi RM37.25 juta guna pakai Kumpulan Wang Sumbangan, dan RM31.04 juta peruntukan daripada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

## Bajet 2019 MPSP: RM3.3 juta persediaan hadapi bencana

**SEBERANG JAYA -** Demi rakyat, Bajet 2019 Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) memperuntukkan RM3.3 juta sebagai langkah persediaan menghadapi sebarang bencana yang tidak dingini pada tahun hadapan.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa belanjawan kali ini turut mengambil kira pengalaman kakitangan MPSP dalam melaksanakan kerja-kerja pemulihan semula bandar selepas kejadian fenomena hujan terlalu lebat, ribut serta banjir besar dalam kejadian bencana pada 4 November 2017.

"Kriteria bandar yang berdaya huni adalah MPSP dan Seberang Perai perlu kembali pulih selepas berlakunya sesuatu kejadian atau bencana.

"Oleh itu, sebagai langkah persediaan, MPSP akan membina *'chiller plants'* dan memasang sistem *'variable speed chiller water pump'* di Menara MPSP sebanyak RM3.3 juta bagi memastikan MPSP dapat beroperasi ketika berlakunya bencana," jelasnya ketika membentangkan Bajet Tahun 2019 MPSP di sini.

Bertemakan 'Menyantuni Rakyat', Rozali memberitahu bahawa salah satu daripada empat objektif utama Bajet Tahun 2019 MPSP dibentuk termasuk peruntukan RM3.3 juta berkaitan dicadangkan adalah demi meningkatkan taraf hidup serta kualiti hidup rakyat.

# TPM80PP, Kerajaan Negeri komited bantu penduduk




**JAGDEEP Singh Deo (empat dari kanan), Ong Ah Teong (lima dari kanan), wakil-wakil Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta penduduk menunjukkan dokumen berkaitan kelulusan TPM80PP dengan berlatarbelakangkan Flat Taman Seri Damai di sini baru-baru ini.**

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BATU LANCANG –** Sebanyak 176 permohonan Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) merangkumi 292 projek telah diluluskan Kerajaan Negeri sehingga 1 September 2018.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, kelulusan semasa tersebut adalah membabitkan kos berjumlah RM25.6 juta.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri komited untuk membantu penduduk yang menetap di skim perumahan layak dari aspek penyelenggaraan dan pembaikan.

"Walaupun pada mulanya pelaksanaan tabung ini menghadapi beberapa kekangan, tapi kini kita (Kerajaan Negeri) berjaya laksanakannya.

"Terbukti, apabila (292) projek yang lulus menunjukkan peningkatan dan komitmen terbaik telah dilakukan Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan (Pejabat Setiausaha) Kerajaan Negeri.

"Mengikut statistik, sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) lalu, bilangan projek lulus hanya dalam lingkungan 240 sahaja, tetapi dalam tempoh empat bulan sahaja…prestasi kita dalam membantu isu-isu penyelenggaraan perumahan sangat baik dengan peningkatan lebih 50 projek menjadikan keseluruhan berjumlah 292 (projek)," ujarnya yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Pemilihan Perumahan (SPEC) pada lawatan ke Flat Taman Seri Damai di sini 19 September lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong, Fakhurrazi Ibnu Omar (Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Dasar & Pembangunan, Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri) dan Mohd. Fauzy Mohd. Yusoff (Penolong Setiausaha Kanan Seksyen Pengurusan Perumahan Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri).

Pada sidang media sama, Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat turut mengumumkan dua kelulusan projek di bawah TPM80PP bagi Taman Seri Damai serta *Desa Green* membabitkan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Lancang.

Jagdeep menyatakan bahawa Kerajaan Negeri melalui TPM80PP bakal menyalurkan 80 peratus peruntukan bagi projek pembaikan bumbung di Taman Seri Damai dengan jumlah RM153,471.09, manakala 20 peratus daripada baki keseluruhan projek iaitu RM38,367.77 akan dibiayai oleh perbadanan pengurusan taman berkenaan.

"Kaedah sama juga diluluskan untuk *Desa Green* bagi menaik taraf satu unit lif dengan kos RM69,500.

"Oleh demikian, Kerajaan Negeri akan menanggung sebanyak RM55,600 iaitu 80 peratus daripada peruntukan dan bakinya, 20 peratus (RM3,900) ditanggung Perbadanan Pengurusan Desa Green," jelasnya sambil memaklumkan bahawa tiga lagi permohonan TPM80PP bagi KADUN Batu Lancang masih di peringkat perbincangan.

# Kediaman terbiar cetus kacau ganggu perlu ditangani segera, saran ADUN

**BERAPIT –** Kediaman terbiar di Blok F dekat Flat Taman Permata yang mencetuskan kacau ganggu perlu ditangani segera, saran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee.

Katanya, rumah berkenaan yang terbiar sejak beberapa tahun lalu kini menjadi tempat pembuangan sampah sarap adalah berisiko menjadi lokasi pembiakan nyamuk Aedes.

"Blok F merupakan asrama dibeli sebuah syarikat swasta tetapi tidak dihuni sejak beberapa tahun lalu yang mana keadaan unit kediaman ini adalah sangat teruk seperti bumbungnya rosak selain menjadi tempat pembuangan sampah.

"Apabila berlaku hujan lebat, air hujan akan terperangkap di dalam timbunan sampah sarap dan seterusnya menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

"Oleh itu, gotong-royong secara besar-besaran yang dijalankan ini bukan sahaja untuk membersihkan kawasan taman, malah kita juga mahu memberi notis yang dikeluarkan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) atas sebab kacau ganggu kepada pemilik kediaman terbabit," katanya ketika ditemui pada penganjuran berkaitan.

Selain itu, Lee Lee memberitahu bahawa program gotong-royong membersihkan seluruh kawasan Taman Permata juga bertujuan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes memandangkan terdapat empat kes berkaitan denggi dilaporkan sebelum ini.

"Walaupun empat kes denggi yang dilaporkan sebelum ini bukan di kawasan flat, tetapi kita mahu bersihkan seluruh kawasan agar wabak tersebut tidak merebak.

"(Dan) sebelum ini juga saya sudah salurkan peruntukan bagi kawasan saya (KADUN Berapit) untuk membeli empat biji tong sampah besar berharga RM1,500 setiap satu bagi menggantikan tong sampah lama yang sudah terlalu uzur," maklumnya.

Difahamkan, aktiviti gotong-royong terbabit adalah anjuran Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Berapit bersama-sama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Alma dan MPSP.



**HENG Lee Lee (kanan) ketika meninjau sekitar kawasan Blok F dekat Flat Taman Permata pada penganjuran program gotong-royong di sini baru-baru ini.**



# Lif baharu Kompleks Pasar Awam Padang Tembak mesra pengguna



**WONG Hon Wai (empat dari kiri), Jason Ong Khan Lee (tiga dari kiri), Ir. Addnan Mohd. Razali (kanan sekali) bergambar dengan wakil-wakil MBPP dan penduduk setempat di hadapan lif baharu Kompleks Pasar Awam Padang Tembak yang siap dipasang di sini baru-baru ini.**

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MBPP**

**KEBUN BUNGA** – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memperuntukkan RM572,400 bagi memasang perkhidmatan lif baharu di Kompleks Pasar Awam Padang Tembak di sini setelah mengambil kira pandangan serta maklum balas daripada penduduk setempat.

Menurut Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai dengan pemasangan lif baharu tersebut, ia sekaligus menjadikan kemudahan di Kompleks Pasar Awam Padang Tembak kini lebih mesra pengguna.

"Inisiatif ini mampu menjadikan kompleks ini mesra pengguna terutamanya kepada golongan warga emas untuk ke tingkat atas, jadi ianya lebih mudah tidak perlu lagi panjat tangga.

"Selain lif, sebelum ini MBPP juga sudah menaik taraf kemudahan-kemudahan lain yang mesra untuk semua golongan pengguna termasuk orang kurang upaya (OKU) seperti *ramp* untuk kerusi roda, parkir OKU dan lain-lain," ujarnya selepas majlis perasmian lif berkaitan di sini 22 September lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee dan Setiausaha Bandaraya bagi MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali.

Menurut Hon Wai, kompleks empat tingkat tersebut yang dibina pada kira-kira tahun 70-an sebelum ini hanya dilengkapi dengan kemudahan tangga, dan ia menyukarkan golongan warga emas serta OKU untuk ke tingkat atas yang menempatkan dewan orang ramai.

"Lif ini juga akan memanfaatkan kira-kira 10,000 penghuni Projek Perumahan Awam Padang Tembak yang telah menetap di sini sejak tahun 1969 lagi," jelasnya.

## Isu penaiktarafan kuarters FRU, Padang Tembak bakal dibawa ke Parlimen

**KEBUN BUNGA** – Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai berjanji akan membawa isu penaiktarafan kuarters Anggota Unit 3 Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) dekat Padang Tembak ke sidang Parlimen dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Katanya, melalui maklum balas yang diterima daripada FRU dan tinjauan yang dilakukan pihaknya, kawasan seluas 22 hektar tersebut sememangnya memerlukan perhatian khusus demi keselesaan kira-kira 305 penghuni di situ.

"Sebelum ini, kita (Kerajaan Pakatan Harapan) tidak ada peluang untuk membantu, namun sekarang Kerajaan Negeri dan Persekutuan sudah sama dan kita boleh tawarkan diri untuk lakukan sesuatu untuk kuarters di sini agar ditambah baik.

"Ini juga sebagai tindakan menghargai peranan FRU dalam menjaga ketenteraman awam, dan isu ini akan dibawa ke Parlimen untuk perhatian KDN," katanya pada sidang media sejurus melawat dua blok kuarters di sini 28 September lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee dan Pemangku Pegawai Pemerintah Unit 3, Deputi Supritenden Shi Tian Aik.

Dalam pada itu, Khan Lee menyatakan bahawa pengabaian bertahun-tahun telah menyebabkan kemudahan-kemudahan tertentu di situ perlu dipertingkatkan atau diganti dengan kadar segera.

"Selepas melawat ke Pengkalan Unit 3 (di sini), saya melihat keperluan untuk Kerajaan Negeri mahupun Pusat memperuntukkan dana memperbaiki serta mempertingkatkan pelbagai kemudahan asas di sini," tegasnya.

Mengulas lanjut, Tian Aik memberitahu, pentadbiran kerajaan (Pusat) terdahulu pernah mencadangkan agar lokasi kuarters sedia ada dipindahkan ke kawasan lain, namun tindakan lanjut bergantung kepada keputusan Kerajaan baharu kini.

"Kos untuk membaiki keseluruhan kuarters dianggarkan kira-kira RM6.59 juta, antara masalah di sini adalah kebocoran unit perumahan, lopak jalan, kerosakan pam air dan lain-lain lagi.

"Daripada lebih 200 unit rumah yang ada, cuma 180 unit sahaja boleh diduduki, selebihnya (20 unit) telah rosak dan tidak diselenggara," jelasnya.




Oleh: **ME**

# Jati diri Melayu boleh dikukuhkan dengan aktiviti kebudayaan, keagamaan - Nazri Nizam

**MEMANAH,** merupakan antara sukan yang disarankan oleh Rasulullah S.A.W.

Daripada Salamah Bin Al-Akwa' R.A. berkata, "Nabi S.A.W. telah berjalan di hadapan sekumpulan daripada suku Aslam yang sedang berlumba (dalam menunjukkan kemahiran memanah). Maka, Nabi S.A.W. bersabda, "Panahlah, wahai Bani Ismail kerana sesungguhnya nenek moyang kamu adalah ahli dalam memanah, maka panahlah." (Hadis Riwayat Al-Bukhari, No. 2899, 3373 dan 3506)

Bahkan, Amirul Mukminin, Umar Al-Khattab pernah memberi nasihat yang bermaksud, "Ajarlah anak-anak kamu memanah, menunggang kuda dan juga berenang."

Bertitik tolak pada semangat menyemarak sunah dalam kalangan umat terutama kanak-kanak, **NAZRI NIZAM CHE LAH**, 43, menubuhkan studio memanah *Indoor Archery Club* pada Mac 2015.

Bertempat di Pusat Perniagaan Bertam Perdana, Kepala Batas, segala aktiviti kelab turut boleh diikuti di laman *Facebook: Al-Fateh Archery Club*.

"Memang ini adalah suatu saranan agama Islam.

"Banyak kekuatan yang kita boleh bina menerusi aktiviti ini, antaranya menyemarakkan semangat kejiranan.

"Mereka akan fokus ada disiplin dalam apa jua kerja termasuk belajar di sekolah, kerana memang memerlukan tumpuan serta disiplin yang tinggi.

"Untuk aktiviti 'memanah sunah' iaitu merujuk kepada aktiviti memanah secara tradisional, semuda empat tahun sudah boleh didedah dengan aktiviti ini," katanya dalam wawancara bersama **ZAINULFAQAR YAACOB**, wartawan akhbar Buletin Mutiara di Kiosk Bertam pada 11 September 2018.

## Pakej Termurah

Nazri Nizam menganggap inisiatif beliau bersama-sama isteri membuka studio memanah *Indoor Archery Club* sebagai fardu kifayah.

Atas maksud itu, beliau meletakkan kadar bayaran termurah di negeri ini, iaitu RM10 seorang sejam - tidak kira kanak-kanak atau dewasa - untuk menimba pengalaman dalam memanah sunah ini.

"RM10 untuk satu jam, kita menyediakan semua kelengkapan untuk aktiviti ini, di tempat lain kalau nak sewa lapang sasar sahaja memang sudah RM35, tidak termasuk lagi sewa busur *(bow)*, mata anak panah, pelindung jari *(finger tabs)*, pelindung lengan *(arm guard)*, pelindung dada *(chest guard)*, pengimbang *(stabiliser)* dan sebagainya.

"*Indoor Archery Club* ditubuhkan supaya memanah tidak lagi dianggap eksklusif kepada golongan tertentu sahaja, kerana itulah yuran serendah RM10.

"Kita nak dekatkan aktiviti memanah sunah ini dengan semua lapisan masyarakat, kalau boleh menjadi salah satu lagi aktiviti pilihan utama keluarga di Pulau Pinang pada hari hujung minggu," ujarnya.

## Faedah Memanah Sunah

Nazri Nizam memberitahu, beliau sendiri tidak sangka aktiviti memanah rupa-rupanya begitu mendapat sambutan komuniti setempat yang mempunyai pelbagai latar belakang dan etnik.

Bermula dengan memohon kebenaran daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan persatuan penduduk, aktiviti memanah sunah ini dianjurkan pada hujung minggu sahaja dekat *Vision Park*.

Menurut beliau, aktiviti terbuka itu mendapat sambutan menggalakkan termasuk ahli jemaah surau di Bertam Perdana.

Masing-masing ada yang berkongsi pengalaman mereka melihat perkembangan anak-anak yang menimba pengalaman dalam aktiviti memanah sunah berkenaan, begitu positif.

"Bagus semuda empat tahun anak kita didedah dengan aktiviti memanah, kerana ia membina otot, ketajaman mata dan fokus akal ataupun melakukan satu-satu aktiviti termasuk belajar di sekolah kelak, serta tahap keyakinan diri," jelasnya sambil menyatakan hasrat untuk mengembangkan aktiviti memanah sunah sebagai ko-kurikulum tambahan di peringkat sekolah rendah serta menengah di negeri ini.

Bagi aktiviti memanah sunah, satu set ringkas kelengkapan sudah boleh dibeli dengan harga RM180, harga mampu beli berbanding set memanah moden yang mencecah ribuan ringgit.

Nazri Nizam menyatakan bahawa mereka yang berhasrat membawa keluarga ke *Indoor Archery Club*, eloklah membuat tempahan lebih awal secara dalam talian di nombor telefon 013 - 592 1414 atau 013 – 301 0080.

## Persilatan Melayu

Selain mengusaha *Indoor Archery Club*, Nazri Nizam juga sangat aktif dalam dunia persilatan Melayu.



**BENGKEL memanah sunah kanak-kanak prasekolah.**




**NAZRI Nizam Che Lah memperaga pakaian persilatan Melayu, sambil memegang busur di studio 'memanah sunah' *Indoor Al-Fateh Archery Club* dekat Kiosk Bertam, Kepala Batas.**

Beliau gigih mengumpulkan perguruan silat Melayu setempat di bawah satu gabungan pertubuhan bukan kerajan (NGO) iaitu Dunia Seni Silat Melayu Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri Pakatan Harapan begitu banyak memberi sokongan kepada usaha mengangkat persilatan Melayu, antaranya pemberian sandang, kebenaran menggunakan padang awam *Vision Park* untuk edisi sulung Himpunan Dunia Seni Silat Melayu Pulau Pinang pada 31 Oktober 2015.

"Saya dari Pertubuhan Silat Gayong Fatani Malaysia bersama-sama beberapa lagi rakan menubuhkan satu NGO supaya menggabungkan semua gelanggang persilatan yang ada di Pulau Pinang di bawah satu 'bumbung', sebagai suatu pertubuhan (NGO) yang sah sisi Pendaftar Pertubuhan (ROS).

"Kerana, sesetengah gelanggang masih belum berdaftar dan gabungan NGO ini cuba membantu agar mereka sah berdaftar dan boleh terus mengembangkan persilatan mereka," katanya.

Di Pulau Pinang sahaja, tambah Nazri Nizam, setakat ini ada 36 aliran persilatan di bawah 'satu payung' yang berjaya memganjurkan Himpunan 1,000 Pendekar di Jawi pada Februari 2018.

"Ini, lanjutan daripada kejayaan Himpunan 1,000 Srikandi Melayu bersempena Himpunan Dunia Silat Melayu, semua wanita, dapat sambutan menggalakkan," ujarnya.

Tambah Nazri Nizam, menerusi 'payung' berkaitan juga, beliau sendiri mencari guru-guru persilatan lama yang boleh mengajar teknik memain senjata seperti memanah, tekpi, kerambit dan sebagainya.

"Selain memanah dan persilatan Melayu, kita juga belajar main serunai, gendang, ikat tanjak, supaya orang Melayu tahu pakaian dan adat dia sendiri," katanya sambil memberitahu bahawa beliau turut menawarkan khidmat urut cara Melayu lama dahulu.

"Saya juga pelajari herba-herba Melayu, pihak insurans pun ada panggil untuk merawat pelanggan mereka dengan akar-akar herba Melayu dan cara urut orang Melayu, InsyaAllah ini juga fardu kifayah saya untuk umat," ujarnya.

## Harapan

Nazri Nizam berharap usahanya mengembangkan aktiviti persilatan Melayu, khidmat mengurut dan sebagainya akan dapat mengikat silaturahim dalam kalangan rakyat terutama umat Islam dan bangsa Melayu.

Baginya, jati diri Melayu boleh dikukuhkan dengan aktiviti kebudayaan dan keagamaan, sebagaimana diamalkan oleh nenek moyang kita dahulu di tanah air ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, remaja hari ini hidup dalam suasana serba mencabar dalam era globalisasi, maka jati diri mereka wajar diperteguhkan dengan cara diperkenal dengan adab hidup sebagai orang Melayu yang mempunyai asal-usul budi tinggi dan faham Islam yang sederhana.

"Orang Melayu, ilmunya kaya. Datang Islam, memperkaya lagi cara hidup orang Melayu, apabila kita belajar, kita akan kenal diri kita, bangsa kita, agama kita dan tanah tempat berdiri hidup kita ini," ujarnya.